

بريتا
BERITA

PKINK



PENGERAK
PEMBANGUNAN
UMMAH

• PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN • www.pkink.gov.my

**PKINK PIKUL TANGGUNGJAWAB
MEMBANGUN
EKONOMI NEGERI - MB**

- MS 19

SIRIM LAWAT PUSAT PENGELUARAN MAKANAN HALAL DI PENGKALAN CHEPA	4	
TOK GURU LANGAR A'PTUS NET	10	
ANNISA JADI PILIHAN UTAMA DI KELANTAN	11	
KPKB PERLU BERSAING DI PASARAN TERBUKA - EXCO	20	



SIDANG EDITOR

PENAUNG

Hj. Mohd Sabri b. Abdullah
Ketua Eksekutif

PENASIHAT

Hj. Mohamad Alwi b. Ya
*Timbalan Ketua Eksekutif
(Hal Ehwal Korporat)*

KETUA EDITOR

Hj. Mohd Adlan b. Jusoh
Pengurus Pengurusan Sumber Manusia

TIMBALAN KETUA EDITOR

Mohd Roslan b. Mohd Zain
*Pen. Pengurus Sumber Manusia
(Perhubungan Korporat & Latihan)*

SIDANG EDITORIAL

Tengku Petra Tengku Wook
Pn. Sofia Che Soh
Pn. Zakiah Mohamed
Pn. Hawa M. Salleh
Ramlah b. Hamzah

FOTOGRAFI

Tengku Petra Tengku Wook

PENERBITAN

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Perbadanan Kemajuan Ikrissid
Negeri Kelantan
Tingkat 8-11, Bangunan PKINK
Jalan Tengku Maharani,
15710 Kota Bharu,
Kelantan.
Tel: 09-741 4141
Fax: 09-741 4069

PERCETAKAN

Dian Darulnaim Sdn. Bhd
5315-A, Jalan Sultan Yahya Petra,
15700 Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 09-744 3510 / 09-744 8493

PERSIAP FIZIKAL DAN MENTAL HADAPI CABARAN KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN PKINK




1 JANUARI 2009 - Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Haji Mohd Sabri Abdullah menyeru seluruh anggota kumpulan PKINK agar menyiapkan diri dari aspek fizikal dan mental dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa. Beliau berkata demikian sewaktu menyampaikan ucapan sempena tahun baru 2009 dan tahun baru hijrah 1430.

Sementara itu, di awal ucapannya beliau turut menyentuh mengenai senario ekonomi dunia yang turut memberi kesan kepada ekonomi negeri Kelantan dan juga PKINK sendiri. Beliau menekankan betapa pentingnya peristiwa lepas dijadikan sandaran untuk memajukan organisasi. "Peristiwa disekeliling terutamanya turun naik pasaran ekonomi dunia akan memberi kesan yang besar kepada ekonomi negeri ini. Turun naik harga kelapa sawit dan getah umpamanya, memberi kesan langsung kepada PKINK", katanya.

Haji Mohd Sabri juga menyentuh mengenai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan sebagai seorang ketua. Menurut beliau, seorang ketua memerlukan kebijaksanaan dalam membuat keputusan. Jika perlu membuat keputusan yang besar dan keputusan tersebut melibatkan ramai pihak, kita sebagai ketua perlu berbincang dan membuat kata putus yang dipersetujui oleh semua pihak untuk mendapatkan keputusan yang terbaik.

Beliau juga turut menyeru semua anggota kumpulan PKINK supaya sentiasa muhasabah diri dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Setiap anggota perlu membuat persiapan fizikal iaitu meningkatkan kualiti diri dan kualiti pengurusan di dalam menghadapi pelbagai cabaran yang datang. Salah satu agenda penting ialah pengurusan sistem kewangan yang baik perlu ditekankan terutama dalam usaha perbadanan melakukan penjimatan ke atas perkara-perkara yang non-produktif. Sebagai contoh, kita menanggukkan perbelanjaan yang tidak diperlukan dan ini dapat membantu kita daripada bergelumbang dengan masalah ekonomi dan kewangan.

Tambah beliau lagi, kekuatan sesuatu organisasi itu bergantung kepada visi dan misi serta strategi yang ditentukan, dan pelan tindakan yang baik. Namun yang paling penting adalah para anggota serta pihak pengurusan yang akan melaksanakan visi dan misi organisasi tersebut. Sehubungan itu, semua anggota dalam organisasi harus memastikan visi dan misi organisasi dihayati dan dilaksanakan dengan sebaik mungkin. 



Kelantan Trade Centre - Mercu Tanda Baru Di Kelantan

Oleh : Fatrah & Wanna



“KTC mampu merangsang pertumbuhan sosio ekonomi rakyat Kelantan serta dapat merancakkan sektor pelancongan dengan memberikan pulangan kompetitif kepada pemegang dan yang berkepentingan.”

PUSAT Dagangan Kelantan atau lebih dikenali sebagai Kelantan Trade Centre (KTC) merupakan salah satu projek pembangunan oleh Kumpulan Kelkon Sdn Bhd. Ia menjadi mercu tanda baru di negeri Kelantan dan bakal dibuka secara rasmi pada Jun 2009.

Senibinanya yang berkonsepkan Islam adalah bertepatan dengan aspirasi Kerajaan Negeri. Projek ini dibangunkan secara usahasama di antara Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dengan Kumpulan Kelkon di atas tanah milik PKINK di Seksyen 14, Jalan Bayan, Kota Bharu dengan keluasan 74,085 kaki persegi.

Rekabentuk senibinanya yang unik telah menarik minat ramai pelabur, terutamanya unit-unit apartment dan ruangan pejabatnya dengan lokasi menarik terletak berdekatan dengan Hospital Raja Perempuan Zainab II, Pusat Perubatan Pakar Perdana, Stadium Sultan Muhammad ke-IV, Perpustakaan Awam, Medan Usahawan disamping kemudahan-kemudahan infrastruktur yang lain. Ini telah menjadikan nilai pasarnya melebihi RM 55 juta.

Rancangan pembinaannya bermula pada tahun 2004 itu

telah mendapat sokongan dari PKINK untuk mewujudkan sebuah pusat perdagangan terurus yang terdiri daripada Dewan Pameran berkeluasan 16,500 kaki persegi yang mampu mengendalikannya majlis-majlis berprestij tinggi dengan kapasiti muatan lebih kurang tiga ribu orang.

Ia termasuk 19 tingkat bangunan yang mengandungi 259 unit servis apartmen, unit-unit kondominium di penthouse, pusat konvensyen, bangunan pejabat 6 tingkat dan 239 tempat letak kereta, dengan jelas mampu menaikkan imej Kota Bharu sebagai sebuah Bandar Raya Islam di samping menarik minat pelancong-pelancong dari dalam dan luar negara untuk mengunjungi negeri ini.

KTC mampu merangsang pertumbuhan sosio ekonomi rakyat Kelantan serta dapat merancakkan sektor pelancongan dengan memberikan pulangan kompetitif kepada pemegang dan yang berkepentingan.

KTC akan diuruskan oleh sebuah syarikat iaitu KTC Convention & Apartment Sdn Bhd.



Lawatan Korporat PKINK ke Ladang Rakyat Lubok Bongor


JELI, 26 April - Satu lawatan korporat oleh pihak pengurusan PKINK ke Ladang Rakyat Lubok Bongor Jeli telah diadakan pada 26 April yang lalu. Lawatan tersebut diketuai oleh Hj. Mohd Sabri Abdullah, Ketua Eksekutif PKINK. Turut serta ialah Timbalan-Timbalan Ketua Eksekutif, Pengurus-Pengurus Bahagian dan Pegawai-Pegawai PKINK.

Ladang Rakyat Lubok Bongor seluas 8,000 ekar ini ditanam dengan kelapa sawit sepenuhnya, dan mula dibuka dua tahun yang lalu. Kerja-kerja penanaman telah dimulakan dan dijangka siap sepenuhnya akhir tahun ini. Sehingga kini, 50 peratus kerja-kerja penanaman tersebut telah disiapkan. Hampir 90 peratus kawasan ladang adalah berbukit dan berlereng yang memerlukan kerja-kerja tereskan.

Kerja-kerja asas untuk menambatkan kawasan ladang masih diteruskan, seperti menambatkan jalan masuk, membina jalan alternatif ketika banjir, pemasangan culvert di setiap anak sungai atau parit,



memasang pagar elektrik, menggali parit disetiap sempadan blok dan di kawasan laluan musuh gajah dan lain-lain dilaksanakan dari masa ke semasa.


Kawasan ladang ini di bahagikan kepada 5 blok, yang setakat ini ditadbir oleh Pengurus Besar, dua Pengurus Ladang dan 14 anggota sokongan. 



Sirim Lawat Pusat Pengeluaran Makanan Halal di Pengkalan Chepa

KOTA BHARU - 3 Februari 2009 - Institut Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) telah mengadakan lawatan ke Pusat Pengeluaran Makanan Halal yang dibangunkan oleh PKINK di kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa pada 3 Februari lalu. Lawatan tersebut diketuai oleh Pengerusi SIRIM, Dato' Hjh. Jamaliah Khamis. Turut serta ialah Presiden SIRIM, Ir. Hj. Yahya Ahmad, Naib Presiden (Bahagian Perkhidmatan

Korporat), Nor Rashid Ismail dan Pengurus SIRIM Kelantan, Kapten (B) Kamaruzaman. Lawatan tersebut diringi oleh Timbalan Ketua Eksekutif Hal Ehwal Korporat PKINK, Haji Mohamad Alwi b. Ya, Pengurus Pembangunan Usahawan PKINK, En. Mohd Fauzi Taib dan Pegawai-Pegawai PKINK.

Lawatan tersebut adalah dalam rangka SIRIM menilai tahap perkhidmatan yang disediakan oleh pengusaba-pengusaha tersebut sebelum lesen dikeluarkan. 



PKINK Sumbang Rumah dan Komputer Riba Kepada Pelajar Cemerlang SPM 2008




KEJAYAAN pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2008 bagi negeri Kelantan, Nik Nor Madiah bt Nik Mohamad Kamal, 18 dari Sekolah Menengah Ugama (Arab) Maahad Muhammadi Perempuan Kota Bharu turut dikongsi bersama oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan.

Beliau yang merupakan pelajar sekolah agama kelolaan Yayasan Islam Kelantan mendapat 20A (19A1,1A2) dalam peperiksaan SPM, menjadi pelajar terbaik dan cemerlang bukan sahaja bagi negeri Kelantan, bahkan pelajar terbaik SPM peringkat kebangsaan.

Sebagai menghargai kejayaan tersebut,

Menteri Besar Kelantan selaku Pengerusi Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan telah mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan melalui kumpulan PKINK akan membina sebuah rumah bernilai RM130,000 untuk keluarga Nik Nor Madiah.

Perkara tersebut diumumkan oleh Menteri Besar ketika mengunjungi rumah pelajar terbabit di Kampung Parang Puting, dekat Sabak Pengkalan Chepa. Rumah tersebut akan dibina oleh anak syarikat PKINK iaitu Binaraya PKINK Sdn Bhd

Selain itu, Perbadanan Kemajuan Iktisad negeri Kelantan (PKINK) turut menyumbang seunit komputer riba kepada Nik Nor Madiah melalui anak syarikatnya, Infra Quest Sdn Bhd. Ia disampaikan oleh Ketua Eksekutif PKINK, Hj. Mohd Sabri Abdullah yang mengunjungi rumah keluarga Nik Nor Madiah bersama dengan Pengurus Besar Infra Quest Sdn Bhd, Encik Asri Che Ali. 

Seminar Pengukuhan Integriti




PKINK telah mengadakan seminar pengukuhan integriti pada 16 Februari yang lalu bertempat di Bilik Operasi PKINK. Seminar ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mengenai integriti, amanah dan akauntabiliti dalam melaksanakan tugas

dan tanggungjawab bagi anggota PKINK.


Dalam seminar sehari penuh tersebut, tiga kertas kerja telah dibentangkan iaitu Punca, Kesan dan Simpton Rasuah oleh Penolong Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Rasuah Menurut Perspektif Islam oleh Dr. Johari Mat, Ketua Eksekutif Kolej Islam

Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Integriti Dalam Pengurusan Kewangan oleh En. Azi Rahimee Mohamed, penceramah Institut Tadbiran Awam Negara.

Seminar tersebut telah dirasmikan oleh Ir Mustafa b. Salleh, Timbalan Ketua Eksekutif (P&P) PKINK. 

Diskusi Korporat PKINK dan UMK

SATU dialog dan diskusi korporat telah diadakan di antara PKINK dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada 11 Mac yang lalu bertempat di Bilik Gerakan PKINK. Pihak PKINK telah mengundang khas dua tetamu iaitu Profesor Madya Abdul Aziz b. Ab Latif, Pengarah Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana dan Profesor Dr. Hj. Ibrahim Che Omar, Fakulti Agrotani dan Sumber Asli, Universiti Malaysia Kelantan.

Tujuan dialog ialah bagi mengenalpasti peluang-peluang pertalian strategik yang boleh diadakan di antara PKINK dan UMK. Dialog tersebut disertai oleh kumpulan pengurusan PKINK, bahagian Pembangunan Usahawan PKINK dan juga anak syarikat PKINK iaitu Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad. 



SPP Development: 3.5 Juta di MAPEX 2009

Oleh : Farrah & Wanna

SPP Development Sdn Bhd di antara 15 syarikat pemaju perumahan di dalam industri hartanah di Kelantan telah menyediakan tawaran menarik kepada pengunjung di Ekspo Hartanah Malaysia (MAPEX) 2009 pada 19-22 Mac baru-baru ini.

Ekspo yang dirasmikan oleh Menteri Besar Kelantan, Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat itu mendapat sambutan yang begitu memberangsangkan dari seluruh rakyat Kelantan.

Sempena MAPEX tersebut, Kerajaan Negeri telah menyediakan beberapa insentif termasuk pengecualian bayaran pindah milik pertama dan bayaran gadaian pertama.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menawarkan kepada orang Melayu yang bukan anak kelahiran Kelantan untuk memiliki rumah di Kelantan tanpa kelulusan Exco dengan syarat berkahwin dengan anak Kelantan atau bekerja dengan



Kiri ke Ahtizan, Abd Kadir, Mohd Ruzdi, Mohd Zain mengiringi Menteri Besar Kelantan

“Ekspo ini memberi satu lagi peluang kepada SPP untuk menjenamakan SPP sebagai salah satu pemaju terbaik melalui syarikat Kerajaan Negeri iaitu PKINK.” - Wan Salmiah Jaafar, Pengurus Besar SPP


Kerajaan Negeri.

SPP Development telah menasarkan jualan sebanyak 10% semasa program 4 hari tersebut. Sebanyak 160 unit rumah kediaman dibuka untuk jualan, antaranya ialah, Taman SPP Permai (Pasir Mas), Taman SPP Indah (Badang) dan Kota SPP Warisan (Tok Selehong). Ini merupakan satu sejarah, di mana SPP berjaya mengutip tempahan bernilai RM3.5 Juta dalam masa empat hari. Ini menjadikan SPP antara pemaju perumahan baru yang terkehadapan dari segi penjualan unit kediamannya.

Kegawatan ekonomi tidak menghalang masyarakat di Kelantan dan mampu membuktikan bahawa permintaan kepada industri ini tidak pernah padam malah, menjadi keperluan bagi rakyat di negeri

ini.

Pengurus Besar, Wan Salmiah Jaafar, ketika ditemui berkata, “Ekspo ini memberi satu lagi peluang kepada SPP untuk menjenamakan SPP sebagai salah satu pemaju terbaik melalui syarikat Kerajaan Negeri iaitu PKINK. Nama SPP kini jelas lebih dikenali di negeri Kelantan khususnya. Penglibatan SPP dalam industri hartanah secara tidak langsung telah menaikkan nama PKINK”.

Ini sejajar dengan pemasaran yang berorientasikan pelanggan di mana keperluan serta kemahuan diutamakan. SPP juga meletakkan kualiti sebagai teras utama dalam semua aktiviti syarikat. Disamping itu, SPP bermatlamat untuk menjadi pemaju perumahan yang sentiasa terkehadapan. 



Team Pemasaran SPP



SPP Buka Jualan Tok Selehong

Oleh : Farrah & Wanna

SATU lagi projek SPP Development Sdn Bhd yang merupakan anak syarikat PKINK, kini telah membuka jualan rumah kediaman di Kota SPP Warisan, Selehong Utara, Tumpat Kelantan Darul Naim.

Kediaman yang berkonsepkan ciri senibina Melayu telah dimodenkan dengan elemen kontemporari gaya hidup golongan muda professional. Ia masih mempunyai sifat kemelayuan yang mementingkan semangat kejiranan tanpa menghilangkan hak-hak privasi individu.

Fasa 2a Kota SPP Warisan terdiri dari 12 unit banglo 1 tingkat Jenis A, 10 unit banglo 1 tingkat Jenis B dan 11 unit teres 2 tingkat. Harga jualan setiap unit di antara RM200,000-00 hingga RM257,000-00. Fasa 2b pula merangkumi 79 unit teres 1 tingkat dan 11 unit rumah kedai.

Kota SPP Warisan merangkumi empat fasa, mengandungi 324 unit kesemuanya termasuk cadangan untuk fasa 3 dan 4. Keempat-empat fasa dijangka siap dalam masa 4 tahun.

SPP sentiasa ingin menjadi pemaju yang terkehadapan untuk memenuhi keperluan pembeli, di mana rekabentuk senibinanya menjadi salah satu daya tarikan pembeli. Elemen kontemporari yang diterapkan melalui rumah kediaman menjadikan kediaman tersebut harus dimiliki bagi mereka yang sukakan rekabentuk dan senibinanya.

Lokasinya yang berada di tengah-tengah antara Tumpat dan Wakaf Bharu merupakan satu lagi kelebihan kediaman ini. Infrastruktur yang sedia ada seperti hospital, sekolah, rumah kedai dan sebagainya menjadikan perumahan ini menjadi pilihan terbaik untuk pembeli.

SPP juga berhasrat untuk mengindahkan persekitaran sungai pada fasa ke empat. SPP sentiasa peka terhadap kepentingan alam sekitar dan warisan tempatan. Ini seiring dengan pemilihan tapak projek perumahan ini dibina di Selehong Utara, Tumpat.

Ia menjadikan lokasi perumahan yang dibina terancang, lengkap dan memenuhi tanggungjawab sosial kepada rakyat Kelantan untuk memilih rumah yang lebih selesa dan memuaskan hati kesemua pihak.



Untuk tempahan dan sebarang pertanyaan sila hubungi SPP Development Sdn Bhd 09-741 4515 / 012 9128 1983 atau layari laman web: www.spp_pkink.com.my.



Binaraya Bangunkan Banglo Selesa di Tanah Merah

Oleh : Farrah & Wanna

BINARAYA merupakan sebuah syarikat perumahan beribawa di bawah PKINK terus berkembang pesat dengan pembangunan satu lagi projek perumahan berkonsepkan rekabentuk terkini banglo yang kini telah dibuka untuk jualan.

Ia turut mengambil kira aspek tanggungjawab sosial kepada masyarakat di Kelantan dengan menyediakan rumah-rumah bermutu dan selesa, sesuai untuk golongan rakyat yang berpendapatan sederhana.

Banglo yang mempunyai ruangan bilik selesa ini juga mempunyai jubin seramik pada hampir semua ruang dalamnya. Selain tu juga, banglo ini mempunyai 'porch' tempat letak kereta yang selesa. Terdapat juga kabinet dapur dan 'soft' landskap sesuai dengan senibina dalaman yang terkini.

Spesifikasi bangunan banglo dengan keluasan lantainya 1,486 kaki persegi yang dilengkapi 4 bilik tidur dan 3 bilik air ini jelas membuktikan bahawa kediaman ini menjadi kediaman idaman bagi mereka yang menginginkan ruang dalaman yang selesa.

Ia sesuai terutamanya bagi golongan berkeluarga. Ini akan memberikan pelaburan pada masa hadapan di mana nilainya akan menjadi semakin tinggi di samping memberikan pulangan yang besar kepada pemiliknya.

Perumahan di Taman Cahaya Binaraya yang terletak di Kampung Jelatok Daerah KUALA, Tanah Merah ini juga dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur seperti sekolah, hospital, dan rumah kedai yang



“Spesifikasi bangunan banglo dengan keluasan lantainya 1,486 kaki persegi yang dilengkapi 4 bilik tidur dan 3 bilik air ini jelas membuktikan bahawa kediaman ini menjadi kediaman idaman bagi mereka yang menginginkan ruang dalaman yang selesa.”

sedia ada di kawasan itu. Ia terletak lebih kurang 3 kilometer dari Bandar Tanah Merah. Kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam yang lengkap adalah setanding dengan kawasan perumahan mewah. Jualan unit banglo ini bermula dari RM256,000-00 ke atas.

Melalui perumahan ini juga, seperti kebiasaannya, Binaraya turut menitikberatkan penerapan nilai-nilai Islam dalam semua aspek termasuk penyediaan rumah kediaman sekarang-

kurangnya mempunyai 3 bilik tidur.

Kualiti ciri-ciri rumah kediaman yang sempurna telah diterapkan dengan baik melalui penggunaan bahan bermutu selaras dengan kehendak Islam di samping memenuhi kualiti rekabentuk rumah yang mempunyai nilai binaan yang teliti.

Bagi sebarang pertanyaan dan tempahan, sila hubungi 09 741 4455 / 09 741 4465 atau layari www.binaraya.com.my



Rumah Teres Rekabentuk Terkini Oleh Profil Impian

Oleh : Farrah & Wanna

SEBUAH lagi projek perumahan oleh Profil Impian Sdn Bhd kini sedang dibina di Taman Kurnia Jaya Pengkalan Chepa. Terdapat 50 unit rumah teres 2 tingkat yang mempunyai rekabentuk terkini telah dibuka untuk jualan. Rumah teres ini dijual dari RM193,900-00 ke atas.

Pemilihan lokasi perumahan yang strategik serta mempunyai nilai tanah yang tinggi amat sesuai untuk didiami atau dijadikan sebagai satu pelaburan untuk masa depan. Lokasi yang terpilih ini dihubungkan dengan sistem infrastruktur dan pengangkutan awam yang baik untuk penghuninya.

Kemudahan-kemudahan infrastruktur yang telah tersedia di kawasan ini akan memudahkan penghuninya menjalani kehidupan yang selesa dan sempurna. Tidak ketinggalan, perumahan ini juga menjadi bonus kepada pemiliknya, kerana jarak kilometer dari kawasan taman perumahan berhampiran dengan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) serta berdekatan dengan laluan ke Bandar Pengkalan Chepa iaitu di Taman Bendahara yang mempunyai kelengkapan pasaraya dan deretan kedai makan yang mempunyai pelbagai pilihan kepada pengunjung.

Rumah teres yang mempunyai keluasan 1,400 kaki persegi dengan spesifikasi bangunan dan kedudukan lot yang cantik ini pastinya menjadi daya tarikan pembeli. Superstruktur yang terkini, menjadikan pemilik teres begitu selesa dengan pembinaannya.

Keluasannya yang amat menarik ini juga, dilengkapi jubin seramik pada semua ruang dalamannya. Ini akan membuatkan pembeli berpuas hati dengan pemilikan rumah teres terkini ini.

Selain itu rumah teres ini juga menyediakan ruangan bilik utama yang selesa. Kediaman yang menggunakan tingkap "Casement Aluminium" ini dilengkapi dengan semburan anti anai-anai. Ini merupakan satu kelebihan yang tidak terdapat pada kediaman lain.

Ciri-ciri keselesaan amat bersesuaian untuk memiliki kediaman seperti ini. Jualan juga dibuka kepada orang Melayu yang bukan kelahiran Kelantan.

Menurut Pengurus Pemasaran & Perhubungan Awam, Ahmad Farid Hj Mahmood, ketika ditemui di pejabatnya di Binaraya memberitahu, dengan rekaan façade terkini membolehkan

Taman Kurnia Jaya

20 UNIT (Jenis Anggun)

Harga Dari
RM 195,900
& ke atas
Bersih



30 UNIT (Jenis Bergaya)

Harga Dari
RM 193,900
& ke atas
Bersih



pembeli berpuas hati dengan rekaan rumah tersebut. Ia juga akan menjadikan pilihan tepat kepada pembeli yang bercitarasa terkini.

"Ini juga akan menjadikan Binaraya sebagai pemaju perumahan yang mewakili Kerajaan Negeri untuk mengemaskan lagi pemasaran perumahan sehingga ke peringkat luar dari negeri Kelantan".

Beliau juga berharap agar industri hartanah ini dapat membantu meningkatkan ekonomi Kerajaan Negeri Kelantan walaupun dunia kini menghadapi masalah krisis ekonomi. ☺

Bagi sebarang pertanyaan dan tempahan, sila hubungi 09 741 4455 / 09 741 4465 atau layari www.profilimpian.com.my.



Tuan Guru Lancar Wi Fi A'ptus Net



KOTA BHARU – Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat baru-baru ini telah melancarkan blog peribadi beliau yang telah diadakan di KB Mall di sini di dalam memastikan tulisan-tulisan dan karya beliau dapat sama-sama dikongsikan melalui teknologi ICT yang tidak terbatas.

Pada majlis sama juga Tuan Guru turut melancarkan Wi Fi A'ptus Net yang menawarkan perkhidmatan jalur lebar melalui kerjasama di antara Infra Quest Sdn Bhd, sebuah anak syarikat kumpulan PKINK dan Infolient Sdn Bhd, syarikat yang mempunyai kepakaran dalam penyediaan khidmat jalur lebar.

Aptus Net yang beroperasi pada November 2008 mempunyai visi untuk meningkatkan penggunaan dan kesedaran mengenai kepentingan internet di kalangan komuniti kerajaan, pemiagaan dan rakyat di negeri Kelantan.

Di samping menyediakan kemudahan wireless broadband, Aptus juga menyediakan pakej-pakej lain seperti Home Broadband pada harga serendah RM79 sebulan, dan Enterprise Broadband pada kadar RM99 sebulan dengan berkelajuan sehingga 1.0Mb.

Antara kawasan sasaran bagi liputan Aptus Net-Target ialah Kompleks Niaga

Wakaf Che Yeh, Taman Perdana Wakaf Che Yeh, Pejabat Pos Wakaf Che Yeh, Sekitar Pasar Borong, Sekitar Pasaraya Pantai Timur Kota Bharu, Pasar Siti Khadijah, Mc'Donald Kota Bharu, MyDin Kota Bharu, Nagoya Textiles Kota Bharu dan Stadium Sultan Muhammad ke-IV.

Selain itu, ia juga meliputi Kompleks Sukan Perdana, Majlis Belia Kelantan, Hospital Pakar Perdana, Jalan Bayam, Ibu Pejabat Kontinjen Polis, Taman Indera Putra Telipot, Sekitar Tadika Tg Anis Telipot, Perumahan Belakang RISDA, Telipot, SMA Naim Lilbanat, Desa Telipot, Taman Restu, Four Season Lundang, Maybank Lundang dan Wisma Watan.

Tuan Guru di dalam ucapan perasmian berkata "manusia tidak boleh disekat sekiranya ia melakukan perkara baik dan tidak bercanggah dengan tuntutan agama. Islam menggalakkan umatnya bermusyawarah, berwacana, berbincang dan berforum semata-mata untuk mengembangkan fitrah manusia untuk bersola jawab."

Tambahnya lagi, sekatan terhadap permit-permit majalah dan akhbar, haramkan sesetengah blog daripada aktif, sekatan terhadap pertumpuan-pertumpuan aman dan sebagainya merupakan usaha

terancang pihak tertentu untuk menyekat aliran perkembangan intelektualisme rakyat yang bercanggah sama sekali dengan impian untuk menjadikan Negara ini hub warga dunia kelas pertama.

"Fikiran dan proses bertikir dicetus dan digerakkan dalam dua keadaan, iaitu evolusi dan revolusi serta kesan kehadiran jalan bertikir ini hanya boleh diuji dan dilihat jika diberi ruang untuk menguasai Negara," ujarnya.

Tuan Guru menyifatkan dengan pelancaran blognya akan menyuburkan proses wacana intelektual yang sedang dirampas oleh pihak yang bimbangkan segala kepalsuan mereka didedah dan yang nyata perbuatan tersebut sebagai perkembangan tidak sihat.

Beliau juga mahu melihat Islam sebagai sistem yang lengkap dan 'bemuasad', ia perlu wujud dan bertubuh serta perlu diberi kesempatan sepenuhnya untuk menunjukkan kesan kehadiran dan jelmaan setelah dilaksanakan.

"Sudah menjadi dasar Kerajaan Negeri untuk menyokong dan menggalakkan pertumbuhan industri ini kerana ia akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan minda, akhlak, ekonomi dan sahsiah ummah seluruhnya,

Walaubagaimanapun Tuan Guru menyeru supaya segala kemudahan yang disediakan tidak disalahguna sebaliknya diguna ke arah kebaikan, menyeru kepada ma'ruf dan mencegah kemungkaran.

"Dengan terbinanya komuniti ini, pengguna internet akan bertambah, lebih ramai golongan warga emas, suri rumah, peniaga kecil dan sebagainya akan menjadi sebahagian daripada komuniti.

"Jurang digital akan berkurangan dan saluran maklumat akan boleh dicapai oleh lebih ramai orang dan semestinya penggunaan blog sebagai penyampai maklumat dan pendapat serta pandangan akan menjadi alat penting ke arah usaha-usaha dakwah," tambah beliau.

Tuan Guru juga mengharapkan penyediaan blog dalam dua versi iaitu tulisan rumi dan jawi akan memudahkan pembaca daripada setiap golongan melayarnya.

Turut hadir Exco Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua Eksekutif PKINK dan Pegawai Pegawai Kerajaan Negeri dan Persekutuan.



An-Nisa' Jadi Pilihan Utama di Kelantan

Oleh : Tuan Mohd Nor Tuan Yahya

PUSAT Perubatan An-Nisa' bertempat di Jalan Sultan Ibrahim telah ditubuhkan pada Januari 1995 dengan peringkat awalnya hanya menumpukan untuk rawatan bersalin kini telah melebarkan operasinya dengan pelbagai jenis rawatan.

Seramai 55 kakitangan yang dibahagi kepada dua jabatan utama, Operasi dan Pentadbiran, kini An-Nisa' boleh berbangga kerana berjaya menjadi sebuah pusat perubatan alternatif kepada golongan wanita yang inginkan rawatan dan perkhidmatan menggunakan kepakaran di kalangan wanita.

Sementara itu An-Nisa' kini menawarkan perkhidmatan seperti Klinik Bersalin 24 jam, Klinik Pakar Sakit Puan, Klinik pakar Kanak-kanak, Klinik Pakar Pembedahan, Klinik Pakar ENT, Klinik Pakar Perubatan dan Klinik Pesakit Luar turut menyediakan bilik bersalin perseorangan, Dewan Pembedahan, Nurseri, Kantin, Mussala, Bilik Penginapan, kawasan letak kenderaan yang selesa serta kawalan keselamatan 24 jam turut menjadi tarikan kepada orang ramai yang ingin mendapatkan perkhidmatan di sini.

Kini Pusat Perubatan An-Nisa' turut menyediakan pelbagai pakej istimewa kepada masyarakat tempatan seperti pakej berkhata bersama Pakar, Pakej Sihat yang menyediakan pelbagai jenis ujian kesihatan dan yang terkini ialah pakej Pembedahan Av Fistula yang dikhususkan kepada pesakit yang menjalani rawatan hemodialisis.

Kordinator Pusat Perubatan An-Nisa', Abdul Aziz Mohd Zain ketika ditemui berkata pelbagai kemudahan telah disediakan oleh An-Nisa' seperti bilik bersalin perseorangan, dewan pembedahan yang luas, bilik menunggu pesakit, sementara itu keselesaan wad yang menepatkan sejumlah 10 katil turut disediakan dikenali dengan nama Wad Sayang.

Malah pesakit juga boleh memilih untuk menggunakan bilik perseorangan yang dikenali dengan nama Bilik Cinta dan

"Matlamat untuk menjadikan sebagai pusat perubatan terkenal dalam bidang perbidanan dan kanak-kanak merupakan satu inspirasi yang menyakinkan dan ia pasti dapat dijayakan dengan semangat dan kesungguhan para kakitangan yang dinamik dan komited."

*Abdul Aziz Mohd Zain,
Kordinator Pusat Perubatan
An-Nisa'*

Bilik Kasih.

Bagi memaparkan hubungan dengan pelanggan, An-Nisa' telah menganjurkan pelbagai program seperti Kelab Genius untuk kanak-kanak dan pelbagai program kesedaran kesihatan kepada ibu bapa.

Dalam mempertingkatkan kebajikan pekerja pula, An-Nisa' telah mengadakan kerjasama dengan beberapa buah klinik persendirian sebagai panel perubatan kepada kakitangan yang berada jauh dari An-Nisa'.

Menurut Abdul Aziz lagi kini Pusat Perubatan An-Nisa' telah mensasarkan satu infrastruktur perubatan yang global dan kini An-Nisa' telah pun mendahului carta kes bersalin di antara hospital swasta di Kelantan.


"Matlamat untuk menjadikan sebagai pusat perubatan terkenal dalam bidang perbidanan dan kanak-kanak merupakan satu inspirasi yang menyakinkan dan ia pasti dapat dijayakan dengan semangat



dan kesungguhan para kakitangan yang dinamik dan komited," katanya lagi.

Kini An-Nisa' telah menjadi pilihan kepada lebih 30 agensi kerajaan dan syarikat swasta dalam mendapatkan perkhidmatan pesakit luar kepada kakitangan mereka.

Penjadualan operasi Klinik Bersalin meliputi 24 jam selama 7 hari seminggu turut menjadi tarikan kepada pelbagai syarikat untuk menjadikan An-Nisa' sebagai panel perubatan mereka.

Abdul Aziz juga berkata walaupun negara kini mengalami kemelesetan ekonomi, pihak An-Nisa' telah mengambil beberapa langkah untuk menarik pelanggan supaya mendapatkan perkhidmatan mereka seperti mengadakan pelbagai pakej istimewa terhadap ibu bersalin dan harga yang istimewa bagi rawatan pesakit luar pula harga yang dikenakan adalah amat sesuai dan tidak membebankan rakyat. 



Anda Berhasrat untuk Menceburi Bidang Perniagaan?

Sila Baca ini Dahulu!



PROSES membuat keputusan untuk menjadi seorang Usahawan, memula dan mengurus perniagaan bukan hanya memerlukan motivasi yang tinggi, keinginan yang kuat dan bakat yang berorientasikan ilmu dan kemahiran. Ia juga menuntut bakal Usahawan agar membuat kajian dan perancangan yang rapi jika sudah bertekad dan serius untuk memulakan perniagaan sendiri.

Seperti permainan catur, kejayaan di dalam perniagaan bermula dengan langkah yang tegas dan tepat. Walaupun kesilapan yang dilakukan di peringkat permulaan tidak begitu mersejatkan perniagaan, tetapi ia memerlukan kemahiran, disiplin dan usaha gigih untuk mendapatkan semula peluang tersebut.

Untuk berjaya, cari dan nilai matlamat perniagaan dan juga diri anda. Gunakan maklumat berikutnya untuk merangka pelan perniagaan secara menyeluruh yang dapat membantu anda mencapai matlamat tersebut. Proses untuk merancang pelan perniagaan akan membantu anda untuk bertikir mengenai isu-isu penting yang belum anda pertimbangkan. Perancangan anda akan menjadi panduan dan rujukan yang berharga untuk anda berusaha mencari sumber pembiayaan. Ia juga bakal berfungsi sebagai pengukur kejayaan perniagaan anda.

1. Sebelum bermula

Sebelum bermula, senaraikan faktor-faktor dorongan yang mempengaruhi anda membuat keputusan untuk memulakan perniagaan. Sebahagian daripadanya ialah :

- Anda ingin menjadi seorang majikan sendiri
- Anda inginkan kebebasan kewangan
- Anda inginkan kebebasan kreativiti
- Anda ingin menggunakan sepenuhnya kemahiran dan pengetahuan yang ada
- Anda ingin membantu dan berbakti kepada masyarakat.

2. Menentukan perniagaan yang 'sesuai untuk anda'. Tanya diri anda :

- Apa yang saya lakukan di masa lapang?
- Apakah ilmu dan kemahiran teknikal yang telah saya peajari atau peroleh?
- Apa pendapat orang lain tentang kebolehan saya?
- Bolehkah saya mendapat sokongan daripada keluarga ?
- Berapa banyak masa yang saya ada untuk mengusahakan perniagaan saya?
- Adakah saya mempunyai hobi atau minat yang boleh dipasarkan?

3. Kenalpasti 'niche' perniagaan anda. Jalankan kajian yang perlu untuk menjawab soalan-soalan ini:

- Apakah jenis perniagaan yang saya minati?
- Apakah khidmat atau produk yang saya akan pasarkan?
- Adakah idea saya praktikal dan bolehkah ia menepati kehendak/ keperluan?
- Siapakah pesaing saya?
- Apakah kelebihan perniagaan saya berbanding dengan perniagaan sedia ada?
- Bolehkah saya memberikan khidmat yang berkualiti tinggi?
- Bolehkah saya mengwujudkan permintaan terhadap perniagaan saya?

4. Buat senarai 'pra-perniagaan'. Anda perlu menjawab soalan-soalan ini:

Apakah kemahiran dan pengalaman yang boleh saya sumbangkan kepada perniagaan ini?

- Bagaimana kedudukan saya di sisi undang-undang?
- Bagaimana rekod perniagaan akan dikendalikan?
- Apakah jenis perlindungan insurans yang diperlukan?
- Apakah peralatan atau bekalan yang diperlukan?
- Apakah imbuhan untuk diri saya?
- Apakah sumber yang saya perlukan?
- Di manakah premis perniagaan saya?
- Apakah nama perniagaan saya?

Jawapan bagi soalan-soalan tersebut akan membantu anda untuk membuat perancangan perniagaan yang lebih fokus dan menyeluruh. Pada masa yang sama, ia boleh berfungsi sebagai 'Pelan perniagaan' yang akan memberi butiran terperinci bagaimana perniagaan anda kelak akan dijalankan dan diuruskan.

**SOALAN:**

Setelah menjalankan perniagaan hampir 9 tahun, saya bercadang untuk membesar perniagaan saya dengan mendirikan kilang sendiri bagi pengeluaran makanan segera. Apakah panduan yang dapat membantu saya menyediakan pelan perniagaan untuk tujuan pembiayaan bagi urusan ini?

JAWAPAN:

Secara amnya, Pelan Perniagaan adalah satu set dokumen yang disediakan oleh pengurusan syarikat yang menggariskan objektif-objektif pengoperasian dan kewangan syarikat bagi jangka tempoh tertentu, dan menjelaskan bagaimana ianya dapat dicapai. Ia juga merupakan 'blueprint' yang memandu polisi dan strategi syarikat, serta boleh diubahsuai dari semasa ke semasa bagi merebut peluang-peluang baru ataupun menghadapi sebarang ancaman dalam pasaran. Sebagai panduan untuk menyediakan pelan perniagaan untuk memohon pakej pembiayaan PKS, rangka dokumen anda boleh dibentuk dengan menunjukkan bahagian-bahagian sepertimana berikut:

Ringkasan Eksekutif - Membincangkan peluang perniagaan, teknologi, produk, pasaran dan pengurusan; cadangan jumlah kewangan dan kegunaan untuk menjalankan perniagaan, ringkasan penyata pendapatan 5 tahun dan modal yang diperlukan.

Peluang Perniagaan - Memberi gambaran tentang produk dan teknologi yang digunakan, mengapa pelanggan mahukannya dan bagaimana ia dapat memenuhi kehendak pelanggan.

Strategi Perniagaan dan Petunjuk Pencapaian - Menyenaikan strategi perniagaan termasuklah kewangan, teknologi dan pembangunan produk.




Pelan Pemasaran - Perlu merujuk kepada keperluan pelanggan, segmen pasaran, saluran pengagihan, strategi dan pelan jualan, saingan dan kedudukan pasaran.

Pelan Operasi - Perlu menunjukkan Pelan Kejuruteraan dan pembuatan, pelan pentadbiran dan kemudahan pengeluaran.

Pengurusan dan Kakitangan Utama - Biodata lengkap setiap kakitangan utama, organisasi, pelan perjawatan dan jumlah unjuran pekerja, dan program insentif dan ganti rugi sekiranya ada.

Unjuran Kewangan - Unjuran proforma 5 tahun termasuk untung dan rugi, imbangkan duga, penyata aliran tunai bersama andaian-andaian.

**MELINTANG**

- Makanan halal lagi bersih.
- Antara mercu tanda bertaraf dunia di Malaysia.
- Arah sesebuah syarikat yang membentuk visi.
- Minuman berkhasiat ini kini berada di pasaran dunia.
- Pesaing utamanya ialah Hewlett-Packard.
- 'Pengkayaan Pemasaran' (Inggeris)
- Modal ekuiti yang diperolehi hasil jualan saham.

KE BAWAH

- Perjana tenaga tunggal negara
- Jenama fesyen mewah dunia sempena perekanya.
- Antara ciri-ciri unggul Usahawan muslim
- Perniagaan ini laris di pulau-pulau peranginan
- Pengeluar bas dan trak disel terbesar di Jepun sejak 1973



Kursus Keusahawanan untuk Bakal Pesara

BERSARA dari jawatan atau pencen tidak bermakna seseorang pesara itu hidup bergoyang kaki menanti wang pencen bagi meneruskan kehidupan seharian. Realitinya ada dari kalangan kita merasa begitu fobia untuk melewati waktu tersebut apatah lagi sekiranya masih sihat dan kuat apabila mencecah usia bersara wajib.

PKINK melalui Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) tidak memandang sebelah mata tentang keresahan yang dirasakan oleh bakal-bakal pesara tersebut. Buat julung kali BPU telah berganding tenaga

dengan Golden Fortress Training And Services Sdn. Bhd. untuk menganjurkan kendali Kursus Keusahawanan Untuk Bakal Pesara Siri I pada 23 hingga 25 Februari 2009 bertempat di Paloh Inn, Kota Bharu. Kursus ini akan diadakan secara berkala yang merangkumi beberapa siri dan modul persediaan sehinggalah bakal-bakal pesara yang mengikutinya benar-benar yakin dengan keupayaan diri untuk merencana kehidupan dengan menceburi bidang keusahawanan apabila bersara kelak.

Di antara inti atau teras yang diterapkan dalam modul-modul yang dirangka dalam pengendalian kursus untuk bakal pesara adalah:-

- ❶ Rancangan perniagaan dan kepentingannya
- ❷ Mengenalpasti dan memilih peluang-peluang perniagaan
- ❸ Analisis pasaran pelanggan, pasaran dan barangan, persaingan, ramalan jualan dan sebagainya.
- ❹ Merangka dan menyediakan rekod dan rancangan kewangan
- ❺ Rancangan pemasaran strategik
- ❻ Teras keusahawanan Islam
- ❼ Khidmat kaunseling dan jaringan perniagaan.

Kesan atau impak yang diharapkan melalui pengendalian serta penyertaan kursus ini adalah membina sahsiah diri bakal pesara agar yakin dengan diri sendiri dan bersedia untuk menghadapi hari tua dengan aman dan selesa setelah:-

- ❶ Memahami wawasan dan halatuju diri selepas bersara dari perkhidmatan
- ❷ Mendapat pendedahan tentang peluang perniagaan yang boleh mereka ceburi
- ❸ Mempelajari asas-asas penting tatacara pengurusan perniagaan serta skim biaya modal
- ❹ Mempunyai pengetahuan dan positif tentang aspek keusahawanan dan perniagaan.





Perlaksanaan Program Usahawan Muda (PUM)



PROGRAM Usahawan Muda merupakan satu program yang telah sekian tahun dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan dan Yayasan Islam Kelantan (YIK) selaku Sekretariat bersama di peringkat negeri. Perlaksanaan Program Usahawan Muda merupakan asas atau satu konsep pendedahan awal bagi melatih dan membimbing para pelajar di sekolah-sekolah menengah yang terpilih untuk memahami aspek-aspek keusahawanan bahkan menjadikannya sebagai satu kerjaya apabila menamatkan pengajian kelak.

Sebagai agensi pengendali, PKINK melalui Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) telah mengadakan sesi taklimat, perlaksanaan program kepada Pengetua dan Guru Pengelola dari sekolah-sekolah yang terpilih pada 6 Safar 1430 H bersamaan 2 Februari 2009 bertempat di Perdana Resort bermula jam 9.00 pagi hingga 1.00 tengahari. Sebanyak 30 buah sekolah terbabit dengan sesi taklimat tersebut.

Antara objektif utama pengendalian sesi taklimat tersebut adalah untuk memberi kefahaman kepada Pengetua dan Guru Pengelola mengenai halatuju dan kepentingan program tersebut dalam konteks membimbing dan melahirkan usahawan bumiputera yang kompetitif dalam pasaran. Kelangsungan daripada sesi taklimat ini juga adalah kerjasama daripada pihak pengurusan sekolah yang terbabit untuk memberikan sokongan serta kemudahan yang sewajarnya demi menjamin kelancaran

perjalanan program yang telah dirangka untuk sepanjang tahun.

Program tersebut telah disusuli dengan sesi Seminar Keusahawanan Program Usahawan Muda secara bergerak mengikut kumpulan atau zon sebagaimana berikut:

- Zon I untuk Kota Bharu dan Bachok pada 14 Mac 2009 bertempat di Maahad Amir Indra Petra membabitkan sekolah-sekolah dari Maahad Muhammadiyah Lelaki, SMU (A) Tarbiah Mardiah, Sek. Men. Keb. (A) Tok Bachok, Sek. Men. Keb. Bachok, Sek. Men. Keb. Beris Panchor, Sek. Men. Keb. Sering dan Maahad Ar-Rahmah Kenali.
- Zon II untuk Tumpat, Wakaf Bharu dan Pasir Mas pada 20 Mac 2009 bertempat di Sek. Men. Keb. Wakaf Bharu membabitkan Sek. Men. Keb. (A) Falahiah, Maahad Muhammadiyah (P) Pasir Pekan, Maahad Muhammadiyah (P) Jln. Merbau, Sek. Men. Keb. Getting, Sek. Men. Keb. Sultan Ibrahim I, Pasir Mas dan Sek. Men. Keb. Tanjung Mas.
- Zon III untuk Pasir Puteh dan Machang pada 23 Mac 2009 bertempat di Sek. Men. Keb. Mulong membabitkan Sek. Men. Keb. Hamzah, Sek. Men. Keb. Kamil, Sek. Men. Machang, Sek. Men. Keb. Melor, Maahad Syamsul Maarif (P) Pulau Chondong dan SMU (A) Taqaddum Maarif, Pasir Tumbuh.
- Zon IV untuk Tanah Merah dan Jeli pada 26 Mac 2009 bertempat di Sek. Men. Keb. Tanah Merah I membabitkan Sek. Men. Keb. Dato' Mahmood Paduka Raja (2), Maahad Ahmadi Padang Siam, Maahad Al-Sabirin Ayer Lanas, Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah dan SMU (A) Rahmahiah, Paloh.



Exco lawat Projek KPKB di Gua Musang

PADA 13 dan 14 April lalu Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Desa dan Bioteknologi Negeri, Haji Che Abdullah Mat Nawi mengadakan satu lawatan kerja ke Relai dan Lojing, Gua Musang.

Turut menyertai rombongan itu ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) serta anak-anak syarikat.

Antaranya Darulnaim Agro Management Industries Sdn Bhd (DAMAI), Murni Marketing Sdn Bhd dan KPKB Boer Breeding Sdn Bhd.

Rombongan turut disertai pengurusan KPKB dan anak-anak syarikat serta wakil Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK).

Che Abdullah yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah KPKB pada hari pertama melawat projek DAMAI di Mukim

Relai, Gua Musang.

Taklimat mengenai projek DAMAI disampaikan Pengurus Besarnya, Hasnan Hassan. Hasnan berkata, selain di Relai, DAMAI juga mempunyai projek di Pasir Mas dan Jeli.

Sebagai kenangan sempena lawatan tersebut majlis menanam tiga anak pokok gaharu disempurnakan Che Abdullah, Pengerusi Lembaga Pengarah DAMAI, Dr Nik Mazlan Nik Mohamad selaku dan Pengarah Jabatan Pertanian Kelantan, Hajah Maliha Ghazali.

Ketika lawatan ke ladang ada di antara anggota Lembaga Pengarah berminat membeli lot-lot tanah kebun di kawasan itu.

Selepas solat Zohor berjemaah rombongan seramai 40 orang bertolak ke Lojing.



Selepas minum petang taklimat pembangunan projek di Lojing disampaikan Pengurus Besar DAMAI dan Pengurus Besar KPKB, Nik Kamarazaman Nik Yahya.

Rombongan turut meninjau pembangunan projek Ladang Rakyat DAMAI serta tapak sayur-sayuran KPKB di Lojing.

Pada sebelah malam diadakan perbincangan mengenai Perancangan Strategik KPKB - Suatu Tinjauan, bertempat di bilik mesyuarat Hotel Star Regency, di Brinchang Cameron Highlands.

Pada perbincangan itu, Profesor Dr Mohd Hanaf Mohamad daripada Fakulti Undang-undang, Kerajaan dan Perniagaan Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM) dijemput sebagai penceramah.

Perbincangan bersambung pada hari kedua dalam sesi Perancangan Strategik





KPKB – Usul Penambahbaikan.

Rombongan juga melawat Stesen MARDI Tanah Rata. Taklimat disampaikan oleh Ketua Stesen MARDI Tanah Rata, Dr Wan Abdullah Wan Yusoff berkaitan peranan dimainkan agensi terbabit.


Projek yang dijalankan MARDI di kawasan seluas 100 ekar meliputi ladang strawberi, anggur dan bunga-bunga.

Rombongan juga melawat projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Jabatan Pertanian, di Lojing.

Taklimat projek di TKPM disampaikan oleh Pegawai Pertanian Jajahan, Nurhazarul Nadia Baset. Selain itu taklimat juga disampaikan Penyelia Pembangunan Lojing, Nik Abdul Rahman Nik Yusoff.

Che Abdullah berkata, bahawa sektor pertanian mampu memberi pendapatan yang lumayan dan seharusnya disertai golongan belia.

Katanya, peserta projek TKPM ada yang mendapat pendapatan lebih RM10,000 sebulan.

"Projek TKPM di sini merupakan antara yang berjaya di Malaysia," katanya. 



PRODUK KELUARAN
Murni Marketing
SDN. BHD.

Murni Marketing Sdn. Bhd.
1810, Tingkat Bawah,
Bangunan KPKB,
Jalan Bayam,
15200 Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 09-746 1871 Faks: 09-748 5787



PKINK Perlu Tampil Imej yang Selari dengan Dasar Kerajaan Negeri

KOTA BHARU - 17 Februari 2009. Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Dato' Mohd Aiseri Alias menyeru Kumpulan PKINK agar mempamerkan imej sebagai sebuah organisasi yang prihatin terhadap dasar dan hala tuju Kerajaan Negeri. Kata beliau, PKINK selaku organisasi atau Badan Berkanun Negeri yang diberi mandat oleh Kerajaan Negeri perlu bertindak selari dengan tuju hala dan dasar Kerajaan Negeri. Beliau berkata demikian sewaktu menyampaikan ucapan pada Majlis Silaturahmi PKINK dengan Pegawai Kanan Kerajaan Negeri Kelantan di Perdana Resort 17 Februari yang lalu.

"Dalam kita menggerakkan organisasi, Perbadanan dan syarikat-syarikat anak bebas untuk memilih gaya pengurusan, teknik penerokaan dalam bidang-bidang korporat, namun ia tidak terpisah dan sentiasa terikat dengan dasar-dasar Kerajaan, bahkan diharap penampilannya akan memperlihatkan Kerajaan itu sendiri. Dasar Kerajaan Negeri amat jelas, iaitu bematlamat untuk mewujudkan semua urusan pentadbiran dan pengurusan di setiap peringkat selari dengan syariat Islam berpandukan al-Quran dan Sunnah", tambah beliau lagi.

Beliau juga telah menjelaskan secara mendalam program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Sebagai contoh, menurut beliau, dalam melaksanakan hal tersebut Kerajaan Negeri dalam melaksanakan dasarnya telah membahagikan kepada 3 program induk iaitu Program Pentadbiran dan Kewangan, Program Pembangunan Insan dan Program Pembangunan Fizikal dan Kesejahteraan Rakyat.

"Bagi menjayakan sebuah organisasi, tanggungjawab dan amanah merupakan perkara fundamental atau perkara asas dan elemen ini merupakan salah satu yang terkandung dalam sistem pengurusan Islam iaitu konsep mas'uliah atau pertanggungjawaban", kata beliau.

Dato' Mohd Aiseri juga menekankan dalam ucapannya mengenai tanggungjawab dan amanah yang boleh memberi kesan kepada sesebuah organisasi. Menurut beliau, kehancutan sesebuah organisasi berlaku apabila adanya anggota dalam organisasi yang tidak bertanggungjawab, membawa hala tuju sendiri, tidak amanah dan khianat. Beliau berkata, badan korporat atau perbadanan seperti PKINK walaupun berjaya meneroka dan meneraju bidang-



Dato' Mohd Aiseri Alias



Haji Mohd Sabri Abdullah

bidang pemiagaan, merjana keuntungan yang membanggakan akan jatuh mutlis, jika aspek amanah tidak diambil berat dan kerja-kerja khianat dibiarkan berlaku dalam organisasi.

Dato' Mohd Aiseri juga turut menyentuh mengenai Kod Etika Pehhidmatan Awam Negeri Kelantan yang telah ditancarkan oleh Kerajaan Negeri yang bertujuan untuk melahirkan pegawai-pegawai yang berakhlak dalam melakukan tugas. Tambah beliau, kod etika tersebut mestilah diterima pakai dan dilaksanakan oleh PKINK.

Di akhir ucapan, beliau berharap agar hubungan yang baik akan terus terjalin di antara pegawai-pegawai PKINK dan Pegawai Tadbir Negeri. Hubungan yang baik ini amat perlu terutama dalam usaha memikul tanggungjawab yang telah diamanahkan dalam membangunkan ekonomi negeri Kelantan berlandaskan syariat Islam.

Sementara itu, Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Haji Mohd Sabri Abdullah dalam ucapannya memberi penekanan kepada peranan PKINK sebagai sebuah agensi yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan ekonomi negeri dan juga membangunkan serta melahirkan usahawan bumiputra.





Menurut beliau, PKINK akan terus berusaha untuk meningkatkan peranan bukan sahaja dari segi aspek pencapaian ringgit iaitu untung rugi pemiagaan, tetapi dalam rangka mencapai matlamat asas yang telah digariskan sejak penubuhan PKINK pada tahun 1966. Beliau amat mengharapkan sokongan daripada semua pihak bagi mencapai matlamat ini.

Pada masa ini katanya, PKINK memberi fokus dan tumpuan kepada aktiviti-aktiviti utama dalam sektor-sektor perkhidmatan, perladangan dan pembangunan hartanah, di samping sektor pertanian dan beberapa sektor yang lain. Sebagai contoh, dalam sektor perkhidmatan, PKINK telah melaksanakan dan menubuhkan pajak gadaai Islam (AR-Rahn) di seluruh negeri dan juga di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia serta penglibatan PKINK dalam

pembinaan infrastruktur telekomunikasi mudah alih di seluruh negeri Kelantan.

Dalam sektor perladangan, sehingga kini PKINK telah mencapai keluasan hampir 40 ribu ekar bagi pembukaan ladang kelapa sawit melalui Syarikat Ladang Sungai Terah. Sementara, bagi sektor pembangunan hartanah, PKINK akan terus terlibat dalam pembangunan bandar dan pembangunan-pembangunan di sekitar bandar disamping menyediakan premis-premis pemiagaan yang mampu dimiliki oleh Bumiputera.

Majlis silaturahim tersebut yang dianjurkan oleh PKINK telah dihadiri oleh Pengurusan Kanan PKINK, Pegawai-Pegawai PKINK, Ketua-Ketua Jajahan dan Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kelantan.

Ahli Lembaga Pengarah Diseru Laksana Tanggungjawab Bangunkan Negeri Kelantan

KOTA BHARU - 2 Mac 2009, Majlis Sambutan Perantikan Pengarah-Pengarah Syarikat PKINK bagi tahun 2009 telah diadakan di Dewan Duyong, Perdana Resort, Pantai Cahaya Bulan pada 2 Mac yang lalu. YAB Tuan Guru Dato' Hj Nik Abd. Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan selaku Pengerusi Lembaga Pengarah PKINK, telah menyampaikan amanat kepada semua anggota Lembaga Pengarah kumpulan PKINK.

Dalam ucapannya, Tuan Guru Dato' Menteri Besar menyeru semua Ahli Lembaga Pengarah Syarikat PKINK agar dapat memikul tanggungjawab dalam membangunkan ekonomi negeri Kelantan berlandaskan syariat Islam. Ahli-ahli lembaga pengarah diseru agar dapat memainkan peranan utama dalam memaju, mengarah dan mengawal serta mewujudkan kerjasama yang erat di antara anggota PKINK dengan agensi-agensi Kerajaan Negeri yang lain seperti Majlis Daerah bagi memastikan usaha pembangunan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Dalam hal tersebut, Tuan Guru Menteri Besar telah menyentuh mengenai cadangan penubuhan bandar baru iaitu bandar Islam di Mukim Tapah Pasir Mas di mana pihak Kerajaan Negeri akan memberi sokongan penuh kepada pelaksanaannya dan meminta Majlis Daerah untuk turut sama berganding bahu bagi memastikan cadangan tersebut dapat dilaksanakan.

"Kita perlu menjadi hamba Allah yang taat. Ini bererti semua aspek kehidupan harian kita adalah berpandukan kehendak dan ketentuan Allah. Manusia adalah khalifah Allah yang dicipta untuk memakmurkan tanah dan bumi ciptaannya. Ini bermakna semua perkara yang kita hendak lakukan dalam kehidupan seharian perlulah mengutamakan Allah. Dengan ini segala kerja yang

"Kita perlu menjadi hamba Allah yang taat. Ini bererti semua aspek kehidupan harian kita adalah berpandukan kehendak dan ketentuan Allah."

- YAB Tuan Guru Dato' Hj Nik Abd. Aziz Nik Mat



diakukan akan mendapat berkat dan kerja-kerja maksiat akan dapat dihindarkan" kata Tuan Guru lagi.

Tambah Tuan Guru, pada masa kini kita berhadapan dengan masalah ekonomi sedunia yang berpunca daripada Eropah, walaupun sada maklum Eropah merupakan pakar dalam ekonomi. Ini berlaku kerana ekonomi kapitalis yang diamalkan di Eropah adalah sistem ekonomi yang berunsurkan riba yang sangat ditegah dan dilarang dalam agama Islam. Kelantan walaupun satu negeri yang kecil yang bertapak di Malaysia, namun ia telah menjadi contoh sebagai negeri yang mengamalkan syariah Islam. Kelantan telah menjadi model ditiru dari segi pentadbirannya serta diimniti oleh semua agama, bangsa dan budaya.



KPKB Perlu Bersaing di Pasaran Terbuka - Exco



Haji Che Abdullah Mat Nawi, Pengerusi Jawatankuasa
Pertanian, Industri Desa dan Bioteknologi

MUKADIMAH: Kelantan sejak awal 1990-an menjadikan sektor pertanian sebagai enjin utama bagi menggerakkan ekonomi. Sedangkan negeri lain sudah melangkah jauh dalam sektor perindustrian. Landasan yang dipilih kerajaan negeri ternyata berbaloi apabila krisis makanan melanda dunia beberapa tahun lalu. Tempias itu kurang terasa di Kelantan. Kejayaan juga dapat dilihat apabila Kelantan sekarang membekalkan beras sebanyak 35 peratus bagi keperluan negara. Oleh itu bagi melihat dari dekat pencapaian sektor pertanian di negeri ini ikuti temubual eksklusif bersama Pengerusi Jawatankuasa

Pertanian, Industri Desa dan Bioteknologi, Haji Che Abdullah Mat Nawi baru-baru ini.

Setelah dilantik sebagai pengerusi baru Kumpulan Pertanian Kelantan Bhd (KPKB), apa usaha dilakukan YB bagi mempetkasakan agensi itu?

KPKB sebuah syarikat di bawah Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), ia ditubuh pada awal 1990-an. Biar pun sudah agak lama diwujudkan namun sehingga ke hari ini belum sampai kepada tahap yang boleh dibanggakan. Terutamanya dalam fokus-fokus tertentu yang sering berubah. Jadi saya benar-benar mahukan jadikan KPKB sebagai sebuah agensi pelaksana sektor pertanian bagi pihak PKINK. Jadi kita akan buat perancangan yang lebih terperinci terhadap peranan yang akan dimainkan KPKB bagi menyemarakkan kerja-kerja pertanian di Kelantan. KPKB sebagai sebuah syarikat tidak boleh tidak mesti memperlihatkan keuntungan. Ini kerana ia sudah menjadi bottom line bagi sebuah institusi perniagaan. Lebih-lebih lagi KPKB sebagai agensi pelaksana program pertanian di Kelantan.

Apakah KPKB cuba abaikan aspek kebajikan apabila tumpuan diberi untuk mencapai keuntungan?

Di samping mencapai matlamat mendapat keuntungan, aspek kebajikan kepada golongan petani tetap akan dipertahankan. Bantuan kepada petani tetap diteruskan. Bagaimanapun bantuan input pertanian untuk tahun ini tidak dapat diagih secara meluas memandangkan peruntukan agak kecil. KPKB juga masih lagi mengendalikannya operasi kilang baja padi di Wakaf Bharu bagi membekalkan baja kepada petani yang tidak mendapat bantuan baja keluaran kerajaan pusat.



“KPKB menjadi pemain utama semua sektor pertanian yang ada di Kelantan sekarang. Dari segi penanaman, pemprosesan dan pemasaran. Selain itu kita juga akan melihat industri penternakan dan pemeliharaan.”

Kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM2 juta bagi mengeluarkan baja padi tahun ini.

Pengeluaran baja itu tidak berorientasikan bisnes?

Sepatutnya setiap pemiagaan mestilah mengambil kira untuk mendapat keuntungan. Sebuah kilang yang beroperasi mesti untuk mendapatkan keuntungan. Ini antara usaha yang kita cuba lakukan. Kita tidak mahu selamanya hanya menjadi agensi kerajaan tanpa mendapat sebarang keuntungan.

Apa transformasi baru yang akan dilakukan bagi mencapai target tersebut?

Saya melihat keperluan diberi penekanan kepada aspek pemasaran. Kilang baja tersebut perlu memasuki pasaran terbuka. Dari aspek kualiti mesti mencapai standard seperti produk lain. Dari segi harga mesti setanding dengan harga pasaran. Kita mahu baja kita mampu bersaing di pasaran terbuka.

Tidaklah baja subsidi diberi pada peringkat awal bagi membantu petani yang dinafikan hak mendapat baja cap dacing?

Peruntukan kerajaan memang untuk memberi baja kepada petani yang didiskriminasikan. Bagi mengatasi masalah tersebut kerajaan negeri memperuntukkan bajet setiap tahun bagi mengeluarkan baja subsidi untuk diagihkan kepada petani yang dianiayai. Itu dari segi kerajaan. Manakala dari segi syarikat yang mengeluarkan baja sepatutnya memainkan peranan yang lebih besar daripada itu. Baja yang dikeluarkan KPKB mesti setanding dengan pasaran. Kos pengeluaran baja pun mesti setanding bagi mengelakkan kerajaan terpaksa mengeluarkan peruntukan lebih besar. Apabila kos pengeluaran tinggi kerajaan terpaksa menanggung kos lebih besar lagi peruntukan bagi mengelakkan terjejas pengeluaran padi. Kos yang ditanggung kerajaan hendaklah efisien.

Pengeluaran baja KPKB akan memasuki pasaran terbuka?

Kita sedang berusaha ke arah itu. KPKB juga sudah meneroka bagi mengeluarkan baja organik. Di samping itu tidak

meninggalkan pengeluaran baja yang ada sekarang.

Adakah harga baja akan meningkat selepas ini?

Terdapat dua aspek dalam perkara ini. Kerajaan negeri memperuntukkan wang kepada rakyat bagi mendapatkan baja subsidi. Dan baja itu dibeli daripada KPKB. Masalah harga tidak timbul kerana ia terpulang kepada jumlah subsidi yang diberi kerajaan. Dari aspek pengeluaran apabila bahan pengeluaran baja mahal, maka harga baja juga menjadi tinggi. Jadi kalau berlaku kenaikan harga kerajaan terpaksa menanggung kos subsidi yang lebih besar untuk mengelakkan berlaku kenaikan harga baja subsidi yang diagih kepada petani.

Sejauh mana kejayaan pengeluaran baja subsidi padi setakat ini?

Memang baja yang kita keluar memainkan peranan besar bagi menampung masalah pengagihan baja subsidi yang dikeluarkan kerajaan persekutuan sebelum ini. Sedangkan menteri menyebut semua petani akan mendapat baja subsidi keluaran kerajaan pusat. Namun apa yang berlaku di bawah masih ada lagi petani yang tidak mendapat subsidi baja padi kerana ada halangan tertentu. Dan masalah itu saya telah kemukakan kepada bekas Menteri Pertanian, Dato' Mustapa Mohamed. Cuma masalah berlaku dari aspek pengagihan peringkat agensi.

KPKB juga ada mengeluarkan jus roseffe, namun dikatakan bermasalah?

Kita akan cuba memperkasakan dari aspek pemasaran. Begitu juga dengan masalah yang dihadapi petani sekarang juga dari aspek pemasaran. Mereka mampu menanam, namun menghadapi masalah untuk memasarkan hasil pertanian mereka. Oleh itu KPKB akan berusaha memperluaskan lagi aspek pemasaran. Jadi produk yang kita ada sekarang aspek pengeluarannya tiada masalah, cuma isu pemasaran sahaja yang dihadapi.

Apa lagi usaha yang dilakukan bagi memperkasakan KPKB?

KPKB menjadi pemain utama semua sektor pertanian yang



ada di Kelantan sekarang. Dari segi penanaman, pemprosesan dan pemasaran. Selain itu, kita juga akan melihat industri penternakan dan pemeliharaan.

Punca KPKB kurang berjaya mencapai sasaran mungkinkah kerana kelemahan pengurusan?

Masalah pengurusan pun tidak dapat dinaikan juga antara puncanya. Selain budaya kerja kerajaan yang diamalkan. Perkara ini akan cuba diberi penekanan semula dalam KPKB. Kita sepatutnya menghalu kepada dunia perniagaan dan bukan sekadar makan gaji dengan kerajaan. Jadi kita perlukan masa dan kekuatan tenaga memperbetulkan semula masalah itu. Lagi pun, sektor pertanian yang sudah berjaya hanyalah tanaman komoditi. Selain itu dari segi kebergantungan kepada satu sumber sahaja bagi mendapat bahan bagi keperluan penternakan juga menimbulkan masalah. Sebab itu dalam perbincangan dalam pelaksanaan Koridor Pantai Timur (ECER) saya tekan penggunaan bahan

tempat perlu diutamakan. Misalnya bagi menghasilkan bahan makanan ayam kita tidak boleh mengharapkan kepada satu pembekal sahaja yang memonopoli pasaran.

Sejauh mana kejayaan program Jihad Ternak yang diperkenalkan kerajaan?


Boleh dikatakan lebih 40 peratus daripada jumlah penternak telah mencapai kejayaan. Target 40 peratus pada peringkat awal itu sudah berjaya. Program ini ternyata berjaya menyemarakkan lagi industri penternakan kambing di negara ini. Ekoran program itu juga muncul pelbagai persatuan antaranya Persatuan Ternak Kambing Kelantan yang pertama di negara ini, Persatuan Jihad Ternak Kelantan. Banyak permohonan untuk membela kambing Janapari. Sekarang kita sasarkan kepada promosi penggunaan daging kambing secara lebih meluas lagi.

Sebelum ini Kelantan menguar-uarkan sebagai Jelapang Makanan Negara,

sejauh mana pencapaian ke arah itu?

Kita telah melakukan pelbagai usaha bagi mencapai matlamat tersebut. Antaranya menubuh Kelantan Biotech. Perkembangan teknologi terkini di Kelantan sebanyak 30 peratus. Industri berasaskan pertanian di Kelantan berkembang 35 peratus. Kajian menunjukkan pencapaian on the track. Berdasarkan kepada usaha yang dilakukan Kelantan kini berjaya mengeluarkan beras sebanyak 121 peratus. Kita membekalkan sebanyak 35 peratus bagi kegunaan negara. Optima penggunaan tanah sudah mencapai 90 peratus. Penternakan kita mencapai 30 peratus daripada keperluan negara. Dan lebih membanggakan terdapat kajian menyebut 90 peratus petani mendapat pendapatan purata melebihi RM3,000 sebulan dan memiliki rumah. Manakala Keluaran Dalam Negara Kasar tahun ini sebanyak RM880 juta dijangka meningkat kepada RM3,000 juta pada 2015. Pencapaian juga membanggakan apabila projek Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan di Lojing, Gua Musang antara yang paling berjaya di negara ini. Purata peserta mendapat pendapatan lebih RM3,000 sebulan. Ada juga peserta yang mendapat RM6,000 hingga RM7,000 sebulan. Paling berjaya seorang peserta yang mendapat RM12,000 sebulan. Bilangan peserta di TKPM Lojing sekarang seramai 11 orang.

Biar pun usaha berterusan dilakukan kerajaan bagi meningkatkan pengeluaran pertanian, namun proses perbandaran menyebabkan tanah pertanian menjadi semakin kecil. Apakah usaha dilakukan bagi mengatasi masalah tersebut?

Memang tidak dapat dinaikan tanah-tanah pertanian ada yang ditukar menjadi lot rumah dan bangunan perniagaan. Namun ia tidak membimbangkan kerana angkanya masih kecil. Lagi pun projek perumahan merupakan satu keperluan asas rakyat. Bagaimanapun program pemulihan tanah-tanah terbiar sedang giat dilakukan. Perancangan pemulihan tanah terbiar bagi tanaman padi tahun ini seluas 1,500 hektar. Seluas 500 hektar lagi bagi tanaman lain. Jumlah tanah terbiar yang akan dibangunkan semula bagi tempoh 2005 - 2010 seluas 6,040 hektar berbanding keseluruhan tanah terbiar seluas 9,754 hektar. Ini merupakan satu kejayaan membanggakan. 


“Boleh dikatakan lebih 40 peratus daripada jumlah penternak telah mencapai kejayaan. Target 40 peratus pada peringkat awal itu sudah berjaya. Program ini ternyata berjaya menyemarakkan lagi industri penternakan kambing di negara ini.”






Makmal Komputer Make - Over

KERJA-KERJA naiktaraf Makmal Komputer PKINK telah selesai dilaksanakan pada pertengahan Februari yang lalu. Ianya dibuat dengan hasrat untuk mempelbagaikan lagi kegunaan makmal tersebut, supaya ianya dapat digunakan bukan sahaja untuk kelas yang berasaskan komputer. Dengan pemasangan meja yang berkonsepkan 'undertable' dilengkapi dengan pendawaian dan sistem audio yang baru Makmal kini akan menjadi lebih selesa untuk digunakan.

Makmal tersebut masih lagi dibuka untuk sewaan dari jabatan / agensi luar atau dari mana-mana pihak swasta dengan kadar yang telah ditetapkan melalui Bhg MIS, PKINK. Tiada kenaikan dalam kadar sewa walaupun berwajah baru. 

Pegawai SUK Menduduki ISAC

PADA 10-12 Mac yang lalu SUK Negeri Kelantan telah menganjurkan ujian ISAC bagi pegawai perjawat awam mereka di Makmal Komputer PKINK. ISAC merupakan singkatan kepada IT Skill Assessment and Certification dan ia merupakan satu alat bagi menentukan kesediaan perjawat sektor awam untuk bekerja dalam persekitaran Kerajaan Elektronik. 

Program Cuti Sekolah Bengkel Photoshop & Dreamweaver

SEMPENA cuti sekolah baru-baru ini, pada 16-18 Mac 2009 Jawatan Kuasa Kecil IT dan Multimedia KSK PKINK dengan kerjasama Bahagian MIS PKINK telah bergabung tenaga untuk menganjurkan satu program cuti sekolah untuk anak-anak ahli KSK secara percuma.

Seramai 20 peserta terdiri dari peringkat umur 10 hingga 17 tahun telah menghadiri bengkel tersebut. Mereka telah didedahkan dengan penggunaan perisian Adobe Photoshop untuk penyediaan grafik dan Macromedia Dreamweaver untuk pembangunan



laman web. Walaupun peringkat umur telah ditetapkan namun ada juga diantara peserta yang telah melepasi usia turut tidak melepaskan peluang untuk memanfaatkan bengkel yang dianjurkan. Malahan dengan minat yang ditunjukkan oleh anak-anak itulah yang menjadikan sesi pembelajaran lebih menyeronokkan.



PKINK Kutuk Kekejaman di Gaza, Palestin

8 JANUARI 2009 - Serangan dan pencerobohan Yahudi Israel ke atas bumi Gaza Palestin mendapat kecaman dan kutukan umat Islam seluruh dunia. Di Kelantan, umat Islam negeri ini turut sama menyatakan simpati ke atas umat Islam Gaza Palestin yang dibunuh oleh rejim zionis Israel. Tidak ketinggalan, PKINK sebagai salah sebuah Badan Berkanun Negeri turut berkongsi rasa dan penderitaan yang dialami oleh rakyat Gaza Palestin dengan turut mengecam dan mengutuk serangan Israel ke atas bumi Gaza. Serentak dengan itu, PKINK telah melancarkan kempen kesedaran dan boikot produk Yahudi dan kutipan derma bagi membantu rakyat Palestin melalui Biro Kebajikan dan Dakwah, Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK serta ceramah khas isu Palestin.



Dalam hal ini, satu ceramah isu Palestin telah diadakan pada 8 Januari lalu di PKINK. Ceramah tersebut telah disampaikan oleh YBhg. Tuan Haji Azmi Abd. Hamid Presiden TERAS Pengupayaan Melayu Malaysia sempena 'road show' beliau di Kelantan bagi mengutuk kekejaman Yahudi Israel di Palestin.

Antara lain dalam ceramahnya, Hj Azmi menyeru seluruh umat Islam agar turut sama mengingati dan memikirkan nasib rakyat Palestin yang sedang menderita dan dibunuh di bumi sendiri. Sebagai saudara seagama, kita wajar merasa bersalah kerana sehingga kini kita tidak dapat berbuat apa-apa untuk menyingkirkan Israel dari bumi Palestin yang dijajah mulai tahun 1948.

Pada masa kini, negara-negara yahudi seperti Israel dan Amerika Syarikat sentiasa berusaha untuk memusnahkan

umat Islam. Sebagai umat Islam, kita harus berusaha untuk memboikot semua hasil barangan keluaran negara-negara yahudi Israel dan sekutunya Amerika Syarikat, kata beliau lagi.

Sementara itu, Kerajaan Negeri Kelantan turut mengadakan program Cakno Palestin di Stadium Sultan Muhammad ke-IV Kota Bharu. Program yang diadakan tersebut bermula dengan solat maghrib, diikuti dengan solat isyak berjemaah dan solat hajat oleh seluruh rakyat negeri Kelantan. Program tersebut diisi dengan ucapan oleh pimpinan Kerajaan Negeri, pemimpin parti-parti politik dan wakil-wakil kaum di Kelantan. YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan turut melancarkan Tabung Amanah Cakno Palestin pada malam tersebut. Kumpulan PKINK turut menyumbang sebanyak RM100,000.00 kepada Tabung Amanah Cakno Palestin.



Tazkirah Khas:

Amanah dan Keperibadian Insan Teras Kejayaan

OLEH: YBhg. Dato' Haron Din Al-Hafiz

8 FEBRUARI 2009 - Satu tazkirah khas bertajuk Amanah dan Keperibadian Insan Teras Kejayaan telah diadakan pada 8 Februari lalu bertempat di Bilik Operasi PKINK. Tazkirah tersebut telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Haron Din mengambil kesempatan sempena kunjungan beliau ke Kelantan.

Dato' Dr Haron Din dalam tazkirahnya telah mengupas beberapa isi penting yang melibatkan persoalan amanah individu muslim dalam menunaikan tanggungjawab dalam sesebuah organisasi. Menurut beliau, amanah tidak boleh dipisahkan daripada iman, kerana daripada imanlah wujudnya amanah. Ini kerana orang yang beriman sahaja yang betul-betul wujud sifat amanah dan sebab itulah amanah ini merupakan sifat wajib bagi seorang Rasul.

Tambah Dato' Haron Din lagi, amanah adalah sifat yang paling tinggi yang ada pada Rasulullah S.A.W. sehingga baginda diberi gelaran Al-Amin oleh masyarakat (kerana sifat Amanahnya). Sifat amanah yang tinggi dalam diri dapat membentuk keperibadian manusia yang baik lagi murni. Amanah yang disertai dengan niat hati yang tulus adalah merupakan kekuatan kepada sifat amanah. Kerana atas niat hati itu akan memberikan kekuatan pada diri kita.

"Sifat amanah amatlah dituntut oleh Islam dalam diri setiap insan. Kerana daripada sifat amanah dalam diri maka terbitlah keamanan dan daripada amanah terbitlah kebahagiaan. Keperibadian insan yang baik jika diamalkan dapat mewujudkan kebahagiaan dalam kerja. Sifat mengkhianati antara satu sama lain adalah sama sekali dilarang oleh Islam. Kerana sifat suka khianat dan mengkhianati antara satu sama lain dapat menimbulkan pelbagai masalah", jelas Dato' Haron Din lagi.

Menurut beliau lagi, jika sifat amanah dan keperibadian yang baik diamalkan dalam diri setiap insan, maka semua kerja dapat dilakukan dengan mudah, matlamat akan tercapai, semua masalah dapat diselesaikan dan keberkatan dalam kehidupan itu berlaku. Oleh yang demikian, setiap perkara dan kerja yang dilakukan mesti disertakan dengan sifat amanah.

Amanah kepada semua insan adalah teras kepada melahirkan keperibadian insan yang cemerlang serta akan mendapat kejayaan hidup di dunia dan akhirat.

"Sifat amanah amatlah dituntut oleh Islam dalam diri setiap insan. Kerana daripada sifat amanah dalam diri maka terbitlah keamanan, daripada amanah terbitlah kebahagiaan."

- Dato' Dr Haron Din





Pesta Sukan Rakyat Keputeraan 2009



“Keseluruhannya pasukan PKINK menduduki tempat ketiga, walau bagaimanapun, pasukan Timun Cina berjaya membawa balik hamper gergasi bagi ketogeri pasukan paling ceria.”



KOTA BHARU - 5 Mac 2009, bertempat dipadang Maktab Sultan Ismail, Pesta Sukan Rakyat Keputeraan 2009 peringkat Jajahan Kota Bharu telah diadakan. Sekali lagi Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dijemput untuk sama-sama memeriahkan pesta sukan tersebut. PKINK diberi nama pasukan Timun Cina bermain bersama-sama Agensi lain seperti Telekom Malaysia Bhd, Radio Televisyen Malaysia dan Yayasan Islam Kelantan. Selain pasukan Timun Cina, terdapat pasukan Labu, pasukan Lada dan pasukan Jagung.

Sebelum itu pesta Sukan Rakyat Keputeraan dijadual diadakan di Padang RTM, Wakaf Che Yeh, tetapi disebabkan hujan yang berterusan sebelum itu, pihak penganjur iaitu Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu telah memindahkan acara ke Padang Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu. Keseluruhannya pasukan PKINK menduduki tempat ketiga, walau bagaimanapun, pasukan Timun Cina berjaya membawa balik hamper gergasi bagi ketogeri pasukan paling ceria. Semua hadiah telah disampaikan oleh DYMM Raja Perempuan Kelantan. 



Perdana Superbowl Sdn. Bhd (PSSB)

PERDANA Superbowl Sdn Bhd (PSSB) merupakan salah sebuah anak syarikat dalam kumpulan PKINK yang ditubuhkan bagi mengendalikan sukan bowling sebagai satu kegiatan riadah di Negeri Kelantan. Syarikat ini didaftarkan pada 23hb November 1994.

Sukan bowling telah diperkenalkan di Kelantan pada tahun 1985 apabila Kompleks Sukan Hotel Perdana dibuka pada tahun tersebut. Pada masa itu PSSB hanya dilengkapi 10 lorong biasa dan tidak dilengkapi sebarang kemudahan. Memandangkan sukan bowling mula mendapat perhatian ramai pihak PKINK bersetuju untuk mempertingkatkan pusat ini ke tahap yang lebih baik.

Pada September 1994, kerja-kerja pengubahsuaian gelanggang dimulakan dengan kos sebanyak RM 3.0 juta. PSSB kini telah dilengkapi dengan 16 lorong berkomputer yang dapat memuatkan 96 orang secara maksimum dalam satu masa. Menjelang tahun 2010, PSSB akan dinaik taraf dan akan berpindah ke Medan Usahawan. Pusat bowling yang baru ini akan dilengkapi dengan 26 lorong berkomputer dengan anggaran kos sebanyak RM5 juta. Untuk memberi kepuasan yang maksima kepada pelanggan, PSSB sentiasa mengutamakan perkhidmatan mesra pelanggan dengan menggunakan konsep "Pelanggan Adalah Raja" ataupun "Customer First".




Dalam usaha untuk mempopularkan sukan bowling di negeri Kelantan dan bersaing dengan pesaing pusat bowling yang lain, pihak pengurusan Perdana Superbowl telah mengatur pelbagai rancangan dan strategi. Antara strategi yang telah dirangka ialah:

1. Perkhidmatan professional yang mesra pelanggan.
2. Usahasama penganjuran program.
3. Kerjasama dengan Persatuan Tenpin Bowling Kelantan (PTBK).

PSSB sentiasa memberi peluang kepada pihak-pihak yang berminat untuk mengadakan kerjasama dengan PSSB dalam menganjurkan sebarang kejohanan atau pertandingan.

Selain itu pihak PSSB telah merancang satu program bersama Jabatan Kerajaan bagi tahun 2009. Program ini akan menjadi penyumbang terbesar kepada pendapatan syarikat.

Perdana Superbowl menaruh harapan yang begitu tinggi agar sukan bowling akan dapat di ketengahkan dan mendapat tempat di kalangan masyarakat dan seterusnya akan muncul sebagai syarikat terunggul dalam kumpulan PKINK. 





Hari Keluarga Kumpulan PKINK Meriah

KOTA BHARU - 21 Mac 2009, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK (KSK PKINK) telah mengadakan program hari keluarga Kumpulan PKINK di perkarangan Perdana, Resort, Pantai Cahaya Bulan. Seramai hampir 1,200 orang anggota dan ahli keluarga telah hadir. Dalam suasana yang meriah, program ini telah diselia

oleh KSK PKINK dengan mengadakan beberapa acara padang, dewan dan juga memancing.

Dalam acara padang yang bermula jam 8.30 pagi, beberapa acara sukaneka telah diadakan dengan pembahagian kepada beberapa kategori kanak-kanak dan juga dewasa serta acara keluarga. Dalam acara memancing, hadiah disediakan kepada 5 peserta yang mendapat ikan terbesar.



Bermula jam 11.30 pagi, acara dewan dimulakan untuk acara mengaji al-Quran, pertandingan azan, nasyid dan juga pakaian beragam. Pertandingan yang diadakan di Dewan Duyong itu diadakan dalam 3 kategori mengikut umur dan diasingkan kanak-kanak lelaki dan perempuan. Selain itu juga disediakan 40 cabutan bertuah untuk semua anggota yang hadir.

Turut hadir pada program kali ini ialah Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Timbalan Ketua Eksekutif HEK, Timbalan Ketua Eksekutif P&P Pengurus-Pengurus Bahagian PKINK, Pengurus-Pengurus Besar Syarikat Anak, Pegawai-Pegawai Pengurusan dan Profesional Kumpulan PKINK dan anggota berserta ahli keluarga masing-masing. Program berakhir kira-kira jam 2.00 petang.



Berakit Menyusuri Sungai Merah

21 JANUARI 2009, buat pertama kalinya Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK (KSK PKINK) menganjurkan aktiviti lasak, iaitu berakit arus deras menyusuri Sungai Merah, Gua Musang sejauh 25 km. Seramai 17 orang ahli KSK PKINK telah menyertai ekspedisi ini. Selain beriadah, program juga bertujuan untuk mewujudkan semangat berpasukan dan kekitaan di kalangan ahli-ahli KSK PKINK

Program bermula seawal pukul 3.00 pagi, dengan semua peserta bertolak ke Gua Musang dengan menaiki keretapi di Wakaf Baru. Semua peserta selamat tiba di Gua Musang pada jam 8.00 pagi. Selepas sarapan pagi dan taklimat ringkas, peserta dibawa ke tapak permulaan. Program berakhir kira-kira jam 5.00 petang, dan bertolak ke Kota Bharu dengan bas jam 5.15 petang. Walaupun penat, peserta berasa puas dan gembira ketika melalui saat-saat mencemaskan. 🌊



Bola Sepak ADUN dan PKINK

BERSEMPENA dengan sidang DUN Kelantan yang berakhir pada 24 Februari 2009, satu perlawanan Bolasepak Persahabatan antara Pegawai PKINK dengan Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan telah diadakan di Stadium Sultan Muhammad ke-IV Kota Bharu pada 24 Februari lalu jam 9.00 malam.

Setelah tamat masa permainan, kedua-dua pasukan tenikat seri 2 sama. Sebelum itu Pasukan PKINK mendahului 2-1. Hadiah telah disampaikan oleh YB Dato' Haji Ahmad Hj. Yakob, Timbalan Menteri Besar Kelantan. 🏆





Pertukaran Anggota PKINK



Nama
Ahmad Nazri Ismail
Daripada
Pengurus Sumber Manusia
Kepada
Pengurus Pembangunan Usahawan
Mulai
1 April 2009



Nama
Mohd Adlan Mat Jusoh
Daripada
Pegawai Khas Ketua Eksekutif
Kepada
Pengurus Pengurusan Sumber Manusia
Mulai
1 April 2009



Nama
Amran Ahmad
Daripada
Pen. Pengurus Pembangunan Usahawan
Kepada
Pen. Pengurus Perancangan Korporat
Mulai
1 April 2009



Nama
Asmadi Ab. Rahman
Daripada
Pen. Pengurus Projek dan Hartanah
Kepada
Pen. Pengurus Pembangunan Usahawan
Mulai
1 April 2009



Nama
Ismail Shauki Ibrahim
Daripada
Pen. Pengurus Perancangan Korporat
Kepada
Pen. Pengurus Projek dan Hartanah
Mulai
1 April 2009



Nama
Meriam Omar
Daripada
UB Consult Sdn Bhd
Kepada
Bahagian Projek dan Hartanah
Mulai
April 2009



Nama
Mohd Adnan Jaafar
Daripada
Bahagian Projek dan Hartanah
Kepada
Bahagian Audit Dalam dan Nazran
Mulai
1 April 2009



Nama
Rusli Ismail
Daripada
Bahagian Audit Dalam dan Nazran
Kepada
Bahagian Galakan Industri dan IKS
Mulai
15 April 2009



Nama
Nik Noorazita A Jalli
Daripada
Bahagian Pembangunan Usahawan
Kepada
Bahagian Projek dan Hartanah
Mulai
15 April 2009



Nama
Che Yahya Che Daud
Daripada
Bahagian Projek dan Hartanah
Kepada
Bahagian Pembangunan Usahawan
Mulai
15 April 2009



Nama
Mokhtar Hassan
Daripada
Bahagian Kewangan
Kepada
Bahagian Projek dan Hartanah
Mulai
15 April 2009



Nama
Noorha Mohd Zain
Daripada
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kepada
Bahagian Pembangunan Usahawan
Mulai
15 April 2009



AL-FATIHAH BUAT EK. MOHD FAUZI
TIAP yang bermula pasti akan berakhir, bila sudah sampai masa dan ketika kita akan pergi mengadap Allah s.w.t., hanya amal dan doa yang akan mengiringi... Tanggal 11 Mac 2009, kira-kira jam 12.30 pagi Ek. Mohd Fauzi Talib, Pengurus Pembangunan Usahawan PKINK telah kembali ke rahmatullah di usia 51 tahun di Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian akibat serangan jantung. Beliau meninggalkan seorang isteri dan 1 orang anak, 2 lelaki dan 3 perempuan. Jenazahnya selamat dikuburkan di Tanah Perkuburan Islam Banggol.
Sepanjang perkhidmatannya di PKINK selama 18 tahun, beliau merupakan seorang anggota yang komited dengan tugasnya, berdedikasi, peramah dan mudah mesra dengan semua anggota tidak mengira pangkat. Beliau berkhidmat dengan PKINK, beliau berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.



FERRISARAN ANGGOTA PKINK
Setelah berkhidmat dengan Perbadanan selama 37 tahun 1 bulan 22 hari, En. Mat Zeh Daud telah memilih untuk bersara awal, diusia 56 tahun.
Mula bekerja dengan PKINK pada 8.2.1982 sebagai pemandu dan ditempatkan di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Pernah memegang Anugerah Khidmat Cemerlang bagi penilaian prestasi 2007.



Nama
Wan Zuwalbah Wan Isa
Daripada
Pejabat Ketua Eksekutif
Kepada
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Mulai
15 April 2009



Nama
Noorzaladha Mohd Nor
Daripada
Bahagian MIS
Kepada
Bahagian Kewangan
Mulai
15 April 2009

Belasungkawa



Kesan Zikir Terhadap Otak Manusia



otak tidak begini. Otak yang segar dan cergas secara tidak langsung mempengaruhi hati untuk melakukan kebaikan dan menerima kebenaran.

Hasil kajian makmal yang dilakukan terhadap subjek ini dimuatkan dalam majalah Scientific American, keluaran Disember 1993. Satu kajian yang dilakukan di Universiti Washington dan ujian ini dilakukan melalui ujian imbasan PET yang mengukur kadar aktiviti otak manusia secara tidak sedar. Dalam kajian ini, sukarelawan diberikan satu senarai perkataan benda. Mereka dikehendaki membaca setiap perkataan

OTAK hanyalah aktiviti-aktiviti bio-elektrik yang melibatkan sekumpulan saraf yang dipertanggungjawabkan untuk melakukan tugas-tugas tertentu bagi membolehkan ia berfungsi dengan sempurna. Setiap hari 14 juta saraf yang membentuk otak ini berinteraksi dengan 16 juta saraf tubuh yang lain. Semua aktiviti yang kita lakukan dan kefahaman atau ilmu yang kita peroleh adalah natijah daripada aliran interaksi bio-elektrik yang tidak terbatas.

Oleh itu, apabila seorang itu berzikir dengan mengulangi kalimat-kalimat Allah, seperti Subhanallah, beberapa kawasan otak yang terlibat menjadi aktif ini menyebabkan berlakunya satu aliran bio-elektrik di kawasan-kawasan saraf otak tersebut. Apabila zikir disebut berulang-ulang kali, aktiviti saraf ini menjadi bertambah aktif dan turut menambah tenaga bio-elektrik. Lama-kelamaan kumpulan saraf yang sangat aktif ini mempengaruhi kumpulan saraf yang lain untuk turut sama aktif. Dengan itu, otak menjadi aktif secara keseluruhan. Otak mula memahami perkara baru, melihat dari sudut perspektif berbeza dan semakin kreatif dan kritis, sedang sebelum berzikir

tersebut satu persatu dan mengaitkan perkataan-perkataan dengan kata kerja yang berkaitan. Apabila sukarelawan melakukan tugas mereka, beberapa bahagian berbeza otak mempamerkan peningkatan aktiviti saraf, termasuk di bahagian depan otak dan korteks.

Menariknya, apabila sukarelawan ini mengulangi senarai perkataan yang sama berulang-ulang kali, aktiviti saraf otak merebak pada kawasan lain dan mengaktifkan kawasan saraf lain. Apabila senarai perkataan baru diberikan kepada mereka, aktiviti saraf kembali meningkat di kawasan pertama. Ini sekali gus membuktikan secara saintifik bahawa perkataan yang diulang-ulang seperti perbuatan berzikir, terbukti meningkatkan kecergasan otak dan menambah kemampuannya.

Oleh itu, saudara-saudara ku seislam, ketika saintis Barat baru menemui mukjizat ini, kita umat terpilih ini telah lama mengamalkannya dan menerima manfaatnya. Malang bagi mereka yang masih memandang enteng kepentingan berzikir dan mengabaikannya. ❁

Kasih Rasullullah S.A.W

KOTA BHARU - 15 Mac 2009, satu ceramah sempena menyambut hari kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W, telah diadakan pada 15 Mac lalu di Bilik Operasi PKINK. Penceramah jemputan ialah Ustaz Suratmi b. Mat Yusoff dari Jabatan Haf Ehlwal Agama Islam Kelantan.

Ceramah bertajuk Kasih Rasullullah S.A.W., menekankan betapa kasihnya Baginda kepada umatnya sehinggalah di saat kewafatannya. Sebagai umatnya, kita perlulah menzahirkan kecintaan dan kasih sayang kepada Rasullullah S.A.W. lebih dari segala-galanya, bukan sekadar menyambut hari keputeranya sahaja. Jutaru itu, umat Islam diseru agar mencontohi akhlak dan ajaran yang dibawa oleh Rasullullah. ❁





Senyum, Salam, Sapa

oleh Ramla Salleh pada 4 Januari 2009



SENYUM merupakan sedekah yang tidak memerlukan tenaga, masa dan tidak mengijra tempat. Senyum adalah perkara yang paling mudah untuk dilakukan dan merupakan sedekah yang mulia dan tinggi darjatnya. Senyuman mampu merobohkan tembok permusuhan, menghapuskan gejala hasad dengki, meleraikan dendam dan persengketaan serta yang paling penting dengan senyuman akan mengukuhkan lagi silaturrahim sesama kita.

Salam adalah amalan yang digalakkan oleh Rasulullah S.A.W untuk mendoakan kesejahteraan sesama umat. Tanpa kita sedar salam adalah salah satu doa yang ringkas untuk seseorang mempraktikkan

bagi mendoakan saudaranya.

Menyapa (sapa) sesama insan, lebih-lebih lagi di tempat kerja akan dapat merapatkan jurang antara kita.

Jadi, amalkan 3S kerana senyum, salam dan sapa merupakan amalan yang penting bagi mengeratkan hubungan silaturrahim. Janganlah ada sifat sombong, takbur dan hasad dengki dalam diri kita.

Firman Allah Taala-
"Masukilah pintu-pintu Jahanam itu dengan keadaan tinggal kekal kamu di dalamnya, maka seburuk-buruk tempat bagi orang-orang yang sombong takbur, hasad dengki ialah neraka Jahanam".

Mengingati Hari Akhirat

oleh Che Ab Rahim Yusoff pada 25 Januari 2009

PERINGATAN oleh Nabi Muhammad S.A.W. adalah seperti berikut:-

- " Wahai anak Adam,
1. Aku hairan kepada mereka yang yakin terhadap kematian tetapi masih bergembira.
 2. Aku hairan kepada mereka yang yakin terhadap hari perhitungan tetapi ia masih mengumpulkan harta.
 3. Aku hairan kepada mereka yang yakin terhadap kubur tetapi masih tertawa.
 4. Aku hairan kepada mereka yang yakin terhadap kehidupan di akhirat tetapi ia masih beristirehat.
 5. Aku hairan kepada mereka yang yakin terhadap dunia dan kemusnahannya tetapi ia masih tenang dengannya.

6. Aku hairan kepada mereka yang alim pada lidahnya tetapi jahil kepada hatinya.
7. Aku hairan kepada mereka yang sibuk bersuci dengan air tetapi hatinya tidak suci.
8. Aku hairan kepada mereka yang sibuk dengan kealiban orang lain tetapi dia lupa terhadap dirinya sendiri.
9. Aku hairan kepada mereka yang mengetahui bahawa sesungguhnya Allah itu mengawasinya tetapi ia masih boleh melakukan maksiat atau mereka yang mengetahui sesungguhnya ia akan mati keseorangan, akan memasuki kubur keseorangan dan akan dihitung keseorangan tetapi masih jinak bersama manusia.

Menghormati Azan

oleh Nisah binti Mat pada 18 Januari 2008

DIRIWAYATKAN sebuah hadis yang bermaksud, "Hendaklah kamu mendiamkan diri ketika azan, jika tidak Allah akan keluarkan lidahnya ketika masuk menghampirinya".

Ini jelas menghujukan, kita disarankan agar mendiamkan diri, jangan berkata apa-apa semasa azan berkumandang. Sebagai orang Islam kita wajib menghormati azan kerana banyak fadilatnya. Lantas sesiapa yang berkata-kata ketika azan, Allah akan keluarkan lidahnya ketika nazak. Kita takut dengan keluarnya lidah kita semasa azan hampir tiba, maka kita tidak dapat mengucapkan kalimah laillahaillallah yang mana sesiapa yang dapat mengucapkan kalimah ini ketika nyawainya dicabut, Allah menjanjikan syurga untuknya.

Sembahyang Dhuha

oleh Che Mas Mat Daban pada 15 Februari 2009

SEMBAHYANG dhuha adalah sunat, masuk waktunya kira-kira 20 minit dari saat matahari terbit sehingga tergelincir matahari sebelum zohor. Menurut Mazhab Juhur Iman Maliki, Syafe dan Ahmad, solat dhuha adalah sunat muakkad (sunat yang dituntut) sedangkan menurut Iman Abu Hanifa sembahyang dhuha hanya suatu amalan sunat biasa.

Nabi Muhammad s.a.w berwasiat supaya mengerjakan pusa pada tiap-tiap 13,14 dan 15 hariulan, mengerjakan 2 rakaat solat dhuha dan solat Witir sebelum tidur. Sebagai berterima kasih kepada ILLAH yang meminjarkan tulang dan sendi sebanyak 360 batang dalam tubuh badan kita. Oleh itu, digalakkan memunaikan sembahyang sunat dhuha 2 rakaat setiap pagi. Sifat sembahyang dhuha adalah ringkas, hanya mengambil masa dalam 5 minit sahaja. Jadi apalah salahnya kalau amalan ini dibudayakan. Selain itu, sesetengah ulama berpendapat, bilangan yang paling afdhal ialah 4 rakaat (2 salam). Namun begitu, menurut Riwayat Iman al-Tabrani, 6 rakaat 3 salam.



Hati Yang Tidak Bahagia

oleh Anizam Ab. Rahman pada 22 Februari 2009

SEMUA orang mempunyai hati dan seharusnya kita bersyukur dengan sekeping hati anugerah lllahi yang kita miliki. Pada hakikatnya hati manusia adalah sama tapi yang membezakan antara kita ialah isi hati. Kebahagiaan hidup terletak pada hati yang bersih, ikhlas dan redha. Antara penyakit-penyakit hati yang sukar tetapi perlu dibendung ialah:

PEMARAH: Sifat ini paling mudah dilihat dan paling banyak dalam diri manusia dan paling sukar untuk dibuang

PENDENDAM: Ibarat mengumpul lahar dalam dada, hati seperti ini sentiasa mencari-cari peluang untuk membalas dendam bagi menyakitkan hati orang lain.

HASAD DENGKI: Segala amalan orang yang dengki akan hangus hatinya serta akan menjadi hitam.

BAKHIL: Sentiasa merasa sayang pada harta dan sentiasa berkira-kira, hatta sepuluh sen sekali pun. Kerana bagi mereka yang sepuluh itu akan menjadi seribu.


TAMAK: Tidak akan merasa puas orang yang tamak dengan apa yang dikecapi.

TIDAK SABAR: Kesabaran mudah tergugat dan tidak boleh tahan sabar walaupun dengan perkara-perkara kecil.

EGO: Perasaan ego adalah ibu segala sifat mazmumah yang membuatkan seseorang paling tidak tenang, orang seperti ini pantang dicabar.


RIAK: Perasaan riak akan menyiksa diri-sendiri kerana sentiasa mencari-cari peluang untuk dipuji kerana pangkat yang tinggi dan berkuasa atau kekayaan yang melimpah. Orang seperti ini sentiasa berlakon dan lakonannya amat baik, tidak kira apa watak sekalipun.

CINTA DUNIA: Berharta tidak dilarang tetapi letaklah akhirat di hati, dan kekayaan dunia ditangani supaya senang dibahagi-bahagikan di dunia dan bekalan akhirat sahaja dibawa maut.

KESIMPULANNYA:- Yang meragut kebahagiaan bukan segala totalnya disebabkan kemiskinan, musibah, kesibukan akan tetapi mazmumah. Untuk mengingatkan diri saya dan anda semua marilah kita sama-sama tidak leka, InsyaAllah, walaupun kita nampak senang tapi hakikatnya adalah sukar untuk mengawal hati dan perasaan, alangkah bahagianya hidup kita sekiranya kita terlepas dari simpton ini, InsyaAllah. 

Muhasabah Harian Setiap Muslim

oleh Nik Noorazita Ab. Jalil pada 1 Mac 2009

- Adakah anda setiap hari selalu solat berjemaah di masjid?
- Adakah anda hari ini membaca al-Quran?
- Adakah rutin anda membaca zikir setelah selesai bersolat?
- Adakah anda selalu solat sunat sebelum dan sesudah solat wajib?
- Adakah hari ini anda kusyuk dalam solat?
- Adakah anda telah memohon kepada Allah sebanyak 3 kali agar dimasukkan ke dalam syurga?
- Adakah anda telah meminta perlindungan kepada Allah sebanyak 3 kali agar diselamatkan dari api neraka? (Barang siapa yang memohon syurga kepada Allah sebanyak 3 kali, Syurga berkata, Wahai Allah! Masukkanlah ia ke dalam syurga, dan barang siapa yang meminta perlindungan kepada Allah agar diselamatkan dari api neraka sebanyak 3 kali, Neraka berkata, Wahai Allah! Selamatkan ia dari api neraka).
- Adakah anda pernah bertikir untuk menjauhkan teman-teman yang tidak baik?
- Adakah anda telah berusaha untuk menghindarkan banyak ketawa dan bergurau?
- Adakah hari ini anda menangis kerana takut kepada Allah?
- Adakah hari ini anda telah memohon ampun kepada Allah atas dosa-dosa yang telah anda lakukan?
- Adakah anda telah berdoa kepada Allah agar ia menetapkan hati anda di atas agamaNya?
- Adakah anda telah mengambil kesempatan untuk berdoa kepada Allah di waktu-waktu mustajab?
- Apakah anda telah memohon kepada Allah dengan benar untuk mati syahid? (Rasulullah swt bersabda: Barang siapa yang memohon kepada Allah dengan benar untuk mati syahid, maka Allah memberikan kedudukan sebagai syuhada meskipun ia meninggal di atas tempat tidurnya).
- Adakah hari ini anda mengingati mati dan kubur?
- Adakah hari ini anda mengingati hari kiamat dan kedahsyatannya? 



Sejarah Solat 5 Waktu

Oleh **Surina Ab. Ghani** pada 15 Mac 2009

NABI Muhammad SAW merupakan Nabi terakhir yang diturunkan oleh Allah SWT untuk membimbing manusia ke arah jalan kebenaran. Tidak seperti umat nabi-nabi yang lain, umat Nabi Muhammad telah diperintahkan untuk mengerjakan solat 5 waktu setiap hari. Ini merupakan kelebihan dan anugerah Allah SWT terhadap umat Nabi Muhammad di mana solat tersebut akan memberikan perlindungan ketika di hari pembalasan kelak. Berikut diterangkan asal-usul bagaimana setiap solat mula dikerjakan.

SUBUH: Manusia pertama yang mengerjakan solat subuh ialah Nabi Adam a.s. iaitu ketika baginda keluar dari syurga lalu diturunkan ke bumi. Perkara pertama yang dilihatnya ialah kegelapan dan baginda berasa takut yang amat sangat. Apabila fajar subuh telah keluar, Nabi Adam

a.s. pun bersembahyang dua rakaat.

ZOHOR: Manusia pertama yang mengerjakan solat Zohor ialah Nabi Ibrahim a.s. iaitu tatkala Allah SWT telah memerintahkan padanya agar menyembelih anaknya Nabi Ismail a.s. Seruan datang pada waktu tergelincir matahari, lalu sujudlah Nabi Ibrahim sebanyak empat rakaat.

ASAR: Manusia pertama yang mengerjakan solat Asar ialah Nabi Yunus a.s. tatkala baginda dikeluarkan oleh Allah SWT dari perut ikan Nun. Ikan Nun telah memuntahkan Nabi Yunus di tepi pantai, sedang ketika itu telah masuk waktu Asar. Maka bersyukurlah Nabi Yunus lalu bersembahyang empat rakaat kerana baginda telah diselamatkan oleh Allah SWT daripada 4 kegelapan.

MAGHRIB: Manusia pertama yang mengerjakan solat maghrib ialah Nabi Isa a.s. iaitu ketika baginda dikeluarkan oleh Allah SWT dari kejahilan dan kebodohan kaumnya, sedang waktu itu telah terbenamnya matahari. Bersyukur Nabi Isa, lalu bersembahyang tiga rakaat kerana diselamatkan dari kejahilan tersebut.

ISYAK: Manusia pertama yang mengerjakan solat isyak ialah Nabi Musa a.s. Pada ketika itu, Nabi Musa telah tersesat mencari jalan keluar dari negeri Madyan, sedang dalam dadanya penuh dengan perasaan dukacita. Allah SWT menghilangkan semua perasaan dukacitanya itu pada waktu Isyak yang terakhir. Lalu sembahyanglah Nabi Musa empat rakaat sebagai tanda bersyukur.

Istimewanya Wanita

Oleh **Noorliza Ghazali** pada 22 Mac 2009

KETAHULIAH betapa istimewa, bertuah dan bersyukurinya menjadi seorang wanita. Beberapa amalan yang ingin saya sampaikan untuk renungan bersama:

1 Doa wanita lebih maqbul daripada lelaki kerana sifat penyayang yang lebih kuat daripada lelaki. Ketika ditanya kepada Rasulullah S.A.W. akan hal tersebut, jawab Baginda: *"Ibu lebih penyayang daripada bapa dan doa orang yang penyayang tidak akan sia-sia"*.

2 Wanita yang solehah adalah lebih baik daripada 70 lelaki soleh.

3 Barang siapa mempunyai tiga anak perempuannya darjatnya seumpama orang yang sentiasa menangis kerana takutkan Allah S.W.T dan orang yang takutkan Allah S.W.T akan diharamkan api neraka ke atas tubuhnya.

4 Barang siapa mempunyai tiga anak perempuan atau tiga saudara perempuan atau dua anak perempuan atau dua saudara perempuan, lalu dia

bersikap ehsan dalam pergaulan dengan mereka dan mendidik mereka dengan penuh rasa taqwa serta bertanggungjawab maka baginya adalah syurga.

5 Wanita yang taat akan suaminya, semua ikan di laut, burung di udara, malaikat di langit, matahari dan bulan semuanya beristighfar baginya selama mana dia taat kepada suaminya dan meredhainya (serta menjaga sembahyang dan puasanya).

6 Jika wanita melayan suaminya tanpa khianat akan mendapat pahala 12 tahun solat.

7 Thabit Al Balani berkata, seorang wanita dari Bani Israel yang buta sebelah matanya sangat baik khidmatnya kepada suaminya. Apabila ia menghidangkan makanan di hadapan suaminya, dipegangnya pelita sehingga suaminya selesai makan. Pada suatu malam pelitanya kehabisan sumbu maka diambil rambutnya dan dijadikan sumbu

pelita, pada keesokannya mata yang buta telah celik.

8 Aishah berkata, aku bertanya kepada Rasulullah S.A.W. siapakah yang lebih besar haknya terhadap wanita?, jawab Baginda: "Suaminya"; siapa pula berhak terhadap lelaki?, jawab Rasulullah s.a.w. "Ibunya".

9 Sabda Nabi s.a.w: *"Ya Fatimah barang mana wanita meminyakkan rambut dan janggut suaminya memotong mishi dan mengerat kukunya, Allah akan memberi minum akan dia dari suai-sungai syurga serta diringankan Allah baginya sakaratul maut dan akan didapati kuburnya menjadi sebuah taman daripada taman-taman syurga dan dicatatkan Allah baginya kelepasan dari api neraka dan selamatlah ia melintas titian sirat. Dunia ini adalah perhiasan dan sebaik-baik perhiasan adalah wanita (isteri) yang solehah."*



Peristiwa Bulan Rabi'ul awal

BULAN Rabi'ul Awal bermaksud bulan di mana bermulanya musim bunga bagi tanaman. Mengikut kebiasaannya di Tanah Arab, sewaktu bulan Rabi'ul Awal, pokok buah-buahan mula berbunga dan seterusnya berbuah. Maka nama bulan ini diambil sempena musim bunga tanaman mereka. Dan setelah kedatangan Islam, Rasulullah S.A.W telah mengekalkan nama Rabi'ul Awal ini sehinggalah sekarang.

PERISTIWA-PERISTIWA PENTING BULAN RABI'UL AWAL

Ada banyak peristiwa penting yang telah dicatatkan oleh sejarah jatuh bangunnya tamadun Islam di dalam bulan Rabi'ul Awal ini dan di antaranya ialah;

Kelahiran junjungan besar kita, Nabi Muhammad SAW. Mengikut sumber-sumber mengatakan bahawa Nabi lahir pada 12 Rabiulawal tahun gajah bersamaan 23 April 571M.

Di bulan Rabi'ul Awal inilah Nabi Muhammad SAW diangkat menjadi Rasul. Ketika ini Nabi Muhammad SAW berumur 40 tahun.

Tarikh hijrah adalah tarikh tibanya Rasulullah di Madinah al-Munawwarah, yang dinamakan Yatsrib. Rasulullah sampai di Quba' pada hari Isnin 8 Rabi'ul Awal dan Baginda sampai di Kota Madinah pada hari Jumaat 12 Rabi'ul Awal lalu Baginda

menunaikan solat Jumaat yang pertama.

Banyak peperangan yang telah berlaku pada zaman Rasulullah SAW di antara tentera Islam dan tentera kuffar. Di antara peperangan yang berlaku di bulan Rabi'ul Awal ialah peperangan Safwan (Badar pertama), Bawat, Ghatfan, Bani An-Nadhir, Daumatul Jandal dan peperangan Bani Lathyam.

Junjungan besar kita, Muhammad Rasulullah SAW, telah wafat pada hari Isnin 12 Rabi'ul Awal 11H bersamaan 7 Jun 632M. Baginda wafat di rumah isterinya Aisyah r.a dan dikebumikan di Madinah al-Munawwarah. Abu Bakar r.a menjadi Khalifah pada hari Rasulullah wafat. Para sahabat tidak mahu menanggung urusan pentadbiran kerajaan dan segera melantik saidina Abu Bakar r.a di Dewan Bari Sa'idah. Ini adalah kerana urusan pentadbiran negara tidak boleh terhenti walau seketika dan ini adalah nadi sesebuah kerajaan dan sebahagian sahabat pula menguruskan pengkebumian jenazah Rasulullah S.A.W yang diketuai oleh Saidina Ali.

Tentera Islam yang dipimpin oleh Khalid ibni Walid telah memasuki Iraq dan bermulalah pemerintahan Islam di bumi Iraq di zaman Saidina Abu Bakar.

Salahuddin al-Ayubi telah memimpin tentera Islam, menewaskan tentera Salib dan seterusnya membuka pintu bagi pembukaan Baitul Muqaddis pada tahun



583 H.

Kejatuhan Empayar kerajaan Islam Sepanyol. Kubu terakhir tentera Islam di Andalusia telah ditumbangkan oleh tentera Sepanyol yang dipimpin oleh Ferdinando dan Isabella pada tahun 897H. Bermulalah kemusnahan tempat-tempat bersejarah warisan umat Islam, masjid-masjid ditukar menjadi gereja dan muzium dan tiada lagi suara azan di negara tersebut. ❁



Tanggungjawab yang Diamanahkan

oleh Nik Abdul Kadir Nik Hussein
pada 11 Januari 2009

MANUSIA diberi tanggungjawab yang besar sebagai khalifah Allah s.w.t. di atas muka bumi ini. Sebagai perjawat awam, kita diamanahkan dengan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada kita setiap hari, hendaklah sentiasa menjauhi segala perbuatan yang menyeleweng,

samada penyelewangan masa, material dan tenaga. Hendaklah sentiasa memberi tumpuan kepada kerja-kerja dan tugas yang dipertanggungjawabkan.

Setiap amalan dan tanggungjawab yang diamanahkan akan dipersoal di akhirat kelak. ❁



PROJEK KUMPULAN PKINK

PENGGERAK PEMBANGUNAN UMMAH



JENIS *Cempaka*



DARI RM 258,700
BERSIH
DAN KE ATAS

16 UNIT RUMAH BANGLO 1 TINGKAT

(FASA 2A - DIBUKA UNTUK JUALAN)

Taman

Cahaya

KG. JELATOK, PASIR GENDA, **BINARAYA**
DAERAH KUSIAL, TANAH MERAH, KELANTAN

**FASA 1
HABIS DIJUAL**



DARI RM 256,600
BERSIH
DAN KE ATAS

JENIS *Dahlia*

Untuk Tempahan
Sila hubungi

BINARAYA
PEMAJU BERWIBAWA



بِنَارَايَا



09 - 741 44 55
09 - 741 44 65

www.binaraya.com.my



11 Unit
Teres 2-Tingkat

Harga Dari
RM 117,000.00
hingga
RM 189,000.00



22 Unit
Banglow 1-Tingkat

Harga Dari
RM 193,000.00
hingga
RM 233,000.00



37 Unit
Teres 1-Tingkat

Harga Dari
RM 94,000.00
hingga
RM 94,800.00



Taman SPP Permai

Kubang Gatal, Pasir Mas,
Kelantan Darul Naim.

Miliki sebuah kediaman di lokasi
yang mendamaikan suasana
kekampungan yang segar
dengan rimbulan hijau.
Hanya 5 minit ke pusat bandar
Pasir Mas.
Miliki rumah yang berkonsepkan
senibina resort.

